




KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

BAJET
2023

TINJAUAN EKONOMI 2023



Tinjauan Ekonomi 2023

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks : 03-88823881
e-mel : fed@treasury.gov.my

Tinjauan Ekonomi diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Bajet Tahunan.

Edisi 2023 diterbitkan pada 7 Oktober 2022.

Naskhah jualan boleh diperolehi daripada:
www.pnmb2u.com dan MPH Book Store.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2022
www.printnasionaI.com.my
email: cservice@printnasionaI.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



KATA PENGANTAR



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Dengan kadar inokulasi mencapai tahap yang disasarkan dan kesan serius COVID-19 secara keseluruhannya terkawal, lebih banyak sektor ekonomi dan aktiviti sosial dibenarkan beroperasi semula pada separuh kedua 2021. Langkah ini telah meningkatkan potensi bagi pertumbuhan yang kukuh pada 2022. Namun demikian, apabila kita telah bersedia sedia mengorak langkah ke tahun baharu dengan penuh harapan, negara dilanda banjir besar pada Disember 2021 dan Januari tahun ini. Bencana alam ini telah memberikan impak yang besar serta meragut banyak nyawa dan menyebabkan kerosakan harta benda bernilai berbilion ringgit. Meskipun berhadapan dengan kerugian yang besar, bencana tersebut telah mengukuhkan keazaman kita dalam menghadapi cabaran dan mengajar erti sebenar perpaduan, toleransi dan keprihatinan antara satu sama lain seperti yang dicerminkan melalui keberanian dan sikap tidak mementingkan diri #KeluargaMalaysia dalam kalangan semua kaum dan lapisan masyarakat.

Sebagai Kerajaan yang prihatin, kita telah menyediakan pelbagai bantuan kepada rakyat dan perniagaan kecil yang terjejas akibat banjir. Bantuan tersebut termasuk pemberian moratorium bagi pinjaman bank, diskaun baik pulih kenderaan, geran untuk perniagaan mikro dan tidak formal, pindahan tunai secara langsung serta baucar untuk pembelian perabot dan peralatan elektrik baharu. Di samping itu, pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan telah menjadikan daerah yang terjejas sebagai kawasan angkat dan menjalankan kerja pembersihan serta pembaikan secara sukarela.

Banjir tersebut telah menyedarkan semua pihak mengenai peri pentingnya mencapai keseimbangan antara pembangunan dengan keperluan melindungi dan memulihara alam sekitar. Justeru, penubuhan Yayasan MySDG oleh Kementerian Kewangan pada Januari adalah tepat pada masanya bagi menyahut seruan agar penekanan yang lebih serius diberikan terhadap pembangunan lestari. Misi Yayasan tersebut merangkumi pengurusan dana amanah bersama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan menggalakkan pembangunan lestari selaras dengan Agenda 2030.

Ketika Kerajaan sedang menumpukan usaha untuk membangunkan semula negara, konflik di Eropah Timur pula telah meletus. Konflik tersebut merumitkan lagi cabaran sedia ada seperti gangguan rantai bekalan dan kenaikan ketara harga komoditi, seterusnya meningkatkan kebimbangan mengenai prospek pertumbuhan global. Seajar dengan perkembangan ini, pihak IMF dan Bank Dunia telah menyemak semula unjuran ekonomi global yang lebih perlahan iaitu kepada 3.2% dan 2.9% pada 2022.

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, risiko persekitaran luar yang tidak menentu mampu mempengaruhi prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Namun begitu, struktur ekonomi negara yang pelbagai, asas yang teguh dan pelaksanaan dasar yang tepat pada masanya telah membantu negara mencapai pertumbuhan kukuh pada separuh pertama 2022. Tambahan pula, peralihan kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa pada 1 April merupakan antara faktor yang akan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi sepanjang tahun ini. Sehubungan itu, unjuran KDNK Malaysia bagi tahun ini telah disemak semula lebih tinggi kepada 6.5% – 7%.

Walaupun berhadapan pelbagai cabaran luar, namun Kerajaan tetap komited terhadap kebajikan rakyat. Kita sedar mengenai kesukaran yang dihadapi #KeluargaMalaysia berikutan kenaikan harga komoditi yang merupakan fenomena global. Sungguhpun demikian, Kerajaan berusaha sedaya upaya untuk membantu rakyat khususnya golongan B40. Dalam hal ini, Kerajaan telah meningkatkan bantuan tunai melalui Bantuan Keluarga Malaysia di samping meneruskan pelaksanaan siling harga dan memberikan diskaun ke atas barangan dan perkhidmatan penting terpilih, terutamanya melalui subsidi ke atas bahan makanan tertentu, gas memasak, bahan api dan elektrik untuk mengimbangi kesan kenaikan kos sara hidup. Perbelanjaan subsidi serta bantuan sosial pada tahun ini dijangka berjumlah RM78 bilion dan merupakan nilai tertinggi dalam sejarah negara kita. Pada masa yang sama, pasukan petugas khas antara kementerian iaitu Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi telah ditubuhkan pada bulan Jun bagi memastikan usaha menangani kenaikan harga adalah lebih holistik dan mampan.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan sentiasa memantau perkembangan ketidakpastian luar yang berterusan dan kesannya terhadap ekonomi negara. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita sedar mengenai keperluan melaksanakan pembaharuan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih baik dan berdaya tahan. Kerajaan akan terus berkhidmat kepada seluruh #KeluargaMalaysia dengan berusaha memenuhi harapan dan impian rakyat demi masa depan negara yang lebih makmur dan sejahtera.



DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB

Perdana Menteri Malaysia

7 Oktober 2022



PRAKATA



**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Ekonomi Malaysia telah pulih daripada pandemik COVID-19 berikutan kerjasama menyeluruh oleh Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil. Ketika negara memasuki fasa pemulihan, ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 3.1% pada 2021 disokong oleh penambahbaikan permintaan domestik serta pelaksanaan pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi.

Pelaksanaan langkah Bajet 2022 yang mengembang, pembukaan semula semua sektor ekonomi, permintaan domestik dan prestasi eksport yang kukuh telah menyokong momentum pemulihan seterusnya merekodkan pertumbuhan KDNK yang memberangsangkan sebanyak 6.9% pada separuh pertama 2022. Pasaran buruh negara juga bertambah baik dengan kadar pengangguran mencatat 3.7% pada Julai 2022 berbanding paras tertinggi 5.3% pada Mei 2020.

Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan terus pulih dengan kukuh disumbangkan oleh peningkatan ketibaan pelancong serta aktiviti perdagangan dan perniagaan yang bertambah baik selaras dengan peralihan negara kepada fasa endemik di samping pembukaan semula sempadan antarabangsa pada 1 April 2022. Sektor pembuatan juga terus berkembang disokong oleh permintaan yang kukuh terutamanya bagi produk semikonduktor.

Dari sudut permintaan, penggunaan swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan didorong oleh permintaan domestik yang mengukuh, keyakinan pengguna yang meningkat dan inisiatif seperti Bantuan Keluarga Malaysia (BKM). Secara keseluruhan, prestasi KDNK yang memberangsangkan pada separuh pertama 2022 seiring dengan langkah dan sokongan dasar yang berterusan telah menyediakan asas kukuh bagi Malaysia mencapai unjuran pertumbuhan KDNK antara 6.5% hingga 7% pada 2022.

Seiring dengan fokus Bajet 2022, beberapa inisiatif utama telah merekodkan pencapaian yang baik termasuk JaminKerja Keluarga Malaysia sebanyak RM4.8 bilion dengan sasaran pewujudan 600,000 peluang pekerjaan dan SemarakNiaga Keluarga Malaysia sebanyak RM40 bilion iaitu pakej pembiayaan komprehensif bagi menyokong usaha pemulihan dan pembangunan kapasiti perniagaan. Sehingga akhir Julai 2022, lebih 264,000 rakyat telah memperoleh pekerjaan di bawah JaminKerja manakala hampir 60,000 perniagaan

disokong oleh SemarakNiaga. Sementara itu, 8.7 juta penerima telah mendapat manfaat daripada program BKM manakala 1.7 juta belia menerima kredit e-dompet sebanyak RM150 melalui program e-Pemula sebagai bantuan kepada rakyat.

Seiring momentum pertumbuhan pada 2022, Kementerian Kewangan telah merangka dasar yang responsif, bertanggungjawab dan bersifat pembaharuan yang membantu pemulihan ekonomi di samping meletakkan asas bagi pembangunan yang lebih mampan. Walau bagaimanapun, Kerajaan peka dengan perkembangan global semasa yang boleh menghalang pemulihan ekonomi negara. Ketegangan geopolitik yang berterusan di Eropah Timur mengakibatkan tekanan ekonomi dalam pelbagai aspek terutamanya peningkatan inflasi global berikutan harga komoditi yang kekal tinggi. Kerajaan melaksanakan kawalan harga dan menambah peruntukan subsidi barangan dan perkhidmatan penting bagi mengurangkan impak kenaikan harga ke atas ekonomi domestik. Di samping itu, Kerajaan telah menambah baik program BKM bagi membantu golongan B40 menangani peningkatan kos sara hidup. Langkah ini membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara.

Pertumbuhan ekonomi China yang sederhana serta dasar monetari global yang lebih ketat merupakan antara risiko yang turut memberi kesan ke atas prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Justeru, pertumbuhan KDNK negara diunjur menyederhana antara 4% hingga 5% pada 2023 selaras dengan semakin semula pertumbuhan ekonomi global yang lebih rendah oleh Bank Dunia dan IMF.

Bajet 2023 akan mengutamakan inisiatif pembaharuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, mengukuhkan kelangsungan perniagaan, menggalakkan kemakmuran ekonomi serta menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi berikutan landskap pertumbuhan yang lebih mencabar. Bajet 2023 ini dirangka berdasarkan tiga bidang tumpuan utama: iaitu memperkukuh momentum pemulihan ekonomi, membina daya tahan ekonomi dan memacu pembaharuan yang komprehensif.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memantau perkembangan global dan merangka dasar yang bersesuaian untuk mendepani sebarang kejutan luar, bertindak secara responsif bagi melindungi kehidupan dan kesejahteraan rakyat serta memastikan pemulihan perniagaan. Agenda transformasi digital negara akan dipercepat termasuk langkah seperti penerimgunaan pantas teknologi digital dan merapatkan jurang digital antara bandar dengan luar bandar. Pembaharuan struktural juga akan terus diberi keutamaan bagi meningkatkan potensi ekonomi negara dan daya saing bakat. Seiring dengan usaha bagi membina daya tahan sosioekonomi dan pembangunan yang mampan, kita juga sedang menyemai benih kemajuan demi kemakmuran jangka masa panjang anak-anak #KeluargaMalaysia. *Insyaa-Allah.*





TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ

Menteri Kewangan

7 Oktober 2022

EKONOMI NEGARA 2023

pada harga malar 2015
(bahagian kepada jumlah dalam %)



¹ Termasuk perubahan dalam stok
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN

LUAS KAWASAN (kilometer persegi)						
Malaysia	Semenanjung Malaysia ¹		Sarawak		Sabah ²	
330,548	132,104		124,450		73,994	
	2021 ¹⁰		2022 ¹¹		2023 ¹²	
PENDUDUK (juta)	32.6		32.7		32.8	
PENGELUARAN DALAM NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015)	1,386,738	3.1	1,476,919	6.5 - 7.0	1,539,026	4.0 - 5.0
Pertanian	98,898	-0.2	99,036	0.1	101,266	2.3
Perlombongan dan pengkuarian	93,150	0.3	95,087	2.1	96,165	1.1
Pembuatan	337,219	9.5	358,615	6.3	372,458	3.9
Pembinaan	50,802	-5.2	51,948	2.3	54,407	4.7
Perkhidmatan	791,068	1.9	856,329	8.2	898,808	5.0
Duti import	15,602	1.7	15,904	1.9	15,920	0.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa)	1,545,372	9.0	1,712,348	10.8 - 11.3	1,815,445	5.5 - 6.5
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam	196,472	6.0	199,122	1.3	203,961	2.4
Swasta	894,881	3.7	998,954	11.6	1,089,211	9.0
Pembentukan modal tetap kasar: Awam ³	66,997	-10.0	69,652	4.0	72,220	3.7
Swasta	231,149	4.0	241,443	4.5	253,403	5.0
Perubahan inventori dan barangan berharga	46,028	-	67,922	-	33,009	-
Eksport barangan dan perkhidmatan	1,063,817	21.8	1,264,686	18.9	1,322,984	4.6
Import barangan dan perkhidmatan	953,972	21.8	1,129,431	18.4	1,159,342	2.6
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015)	1,367,707	2.7	1,446,321	5.7	1,508,577	4.3
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa)	1,503,821	8.2	1,642,844	9.2	1,745,075	6.2
Tabungan Negara Kasar (harga semasa)	402,874	19.0	429,857	6.7	431,673	0.4
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM)	46,051	8.0	50,314	9.3	53,286	5.9
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	2021		2022¹³		2023¹⁴	
Hasil	233,752	3.9	285,217	22.0	272,570	-4.4
Perbelanjaan mengurus	231,516	3.1	284,700	23.0	272,340	-4.3
Baki semasa	2,236		517		230	
Perbelanjaan pembangunan (bersih)	63,267	26.3	71,200	12.5	94,300	32.4
Kumpulan Wang COVID-19 ⁴	37,711	-0.8	28,800	-23.6	5,000	-82.6
Baki keseluruhan	-98,742		-99,483		-99,070	
% KDNK	-6.4		-5.8		-5.5	
Pinjaman dalam negeri (bersih)	98,584		99,994		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih)	1,734		-320		-	
Perubahan aset ⁵	-1,576		-191		-	

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

	2021		2022		2023	
	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK
Hutang Kerajaan Persekutuan⁶	979,814	63.4	1,044,960	61.0	-	-
Hutang dalam negeri	950,084	61.5	1,015,605	59.3	-	-
Bil perbendaharaan	28,000	1.8	34,500	2.0	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	423,266	27.4	444,966	26.0	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	480,718	31.1	518,039	30.2	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan	18,100	1.2	18,100	1.1	-	-
Pinjaman luar pesisir	29,730	1.9	29,355	1.7	-	-
Pinjaman pasaran	25,147	1.6	25,383	1.5	-	-
Pinjaman projek	4,583	0.3	3,972	0.2	-	-
	2021¹⁰		2022¹¹		2023¹²	
IMBANGAN PEMBAYARAN (BERSIH)	RM juta		RM juta		RM juta	
Imbangan akaun semasa	58,700		50,841		73,040	
Barangan	170,573		195,001		216,243	
Perkhidmatan	-60,728		-59,746		-52,601	
Pendapatan primer	-41,551		-69,504		-70,370	
Pendapatan sekunder	-9,594		-14,911		-20,231	
Imbangan akaun modal dan kewangan	12,451		-		-	
Kesilapan dan ketinggalan bersih	-25,465		-		-	
Imbangan keseluruhan	45,686		-		-	
PERDAGANGAN LUAR NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Eksport kasar	1,241,022	26.1	1,456,448	17.4	1,488,859	2.2
<i>antaranya:</i>						
Pembuatan	1,068,431	25.8	1,228,384	15.0	1,256,892	2.3
Pertanian	98,093	36.8	123,777	26.2	125,901	1.7
Perlombongan	69,757	19.4	97,496	39.8	99,054	1.6
Import kasar	987,344	23.3	1,178,309	19.3	1,180,533	0.2
<i>antaranya:</i>						
Barangan pengantara	545,801	27.2	658,656	20.7	660,292	0.2
Barangan modal	103,823	14.4	113,028	8.9	113,349	0.3
Barangan penggunaan	83,893	13.2	98,168	17.0	98,333	0.2
Jumlah dagangan	2,228,366	24.9	2,634,757	18.2	2,669,393	1.3
Imbangan dagangan	253,678	38.4	278,139	9.6	308,326	10.9
HARGA	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)
Indeks Harga Pengguna (2010 = 100)	123.1	2.5	-	3.3 ¹¹	-	2.8 - 3.3 ¹²
Indeks Harga Pengeluar: Pengeluaran Tempatan (2010 = 100)	112.1	9.5	121.5 ¹⁵	10.2 ¹⁵	-	-
BURUH	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)
Tenaga buruh	15,797.2	0.8	15,933.1	0.9	16,140.2	1.3
Pengangguran ⁷	733.0	(4.6)	629.3	(3.8 - 4.0)	576.3	(3.5 - 3.7)

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

PASARAN KEWANGAN DAN MODAL	2021 Akhir Julai		2022 Akhir Julai	
	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Bekalan wang				
M1	550,825	10.8	602,157	9.3
M2	2,100,135	3.8	2,214,012	5.4
M3	2,106,362	3.8	2,222,147	5.5
Sistem perbankan (termasuk bank Islam)				
Dana ⁸	2,149,780	4.0	2,233,562	3.9
Pinjaman	1,739,730	2.6	1,835,858	5.5
Nisbah pinjaman kepada dana (%)	80.9		82.2	
Kadar faedah (kadar purata, %)	Julai		Julai	
Antara bank 3 bulan	1.89		2.70	
Bank perdagangan				
Deposit tetap: 3-bulan	1.56		2.01	
12-bulan	1.70		2.20	
Deposit tabungan	0.58		0.69	
Kadar asas (BR) purata berwajaran	2.43		2.62	
Kadar pinjaman asas (BLR)	5.49		5.97	
Bil Perbendaharaan (3-bulan)	-		-	
Sekuriti Kerajaan Malaysia ⁹				
1-tahun	1.77		3.00	
5-tahun	2.62		3.72	
Pergerakan ringgit	Akhir Ogos		Akhir Ogos	
	RM bagi seunit	perubahan¹⁶ (%)	RM bagi seunit	perubahan¹⁶ (%)
Hak Pengeluaran Khas (SDR)	5.9204	-0.4	5.8386	1.4
Dolar AS	4.1690	0.1	4.4845	-7.0
Euro	4.9213	0.6	4.4834	9.8
100 yen Jepun	3.7981	2.8	3.2359	17.4
Bursa Malaysia				
FBM KLCI	1,601.38		1,512.05	
Nilai permodalan pasaran (RM bilion)	1,832.10		1,706.31	

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

² Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

³ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

⁴ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

⁵ (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

⁶ Pada 2022, data adalah sehingga akhir Jun 2022

⁷ Angka dalam kurungan menunjukkan kadar pengangguran

⁸ Dana terdiri daripada deposit (tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia) dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)

⁹ Hasil indikatif pasaran

¹⁰ Awalan

¹¹ Anggaran

¹² Unjuran

¹³ Anggaran disemak

¹⁴ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023

¹⁵ Januari hingga Julai 2022

¹⁶ Kadar tahunan penambahan nilai (+) atau penyusutan nilai (-) bagi ringgit

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	iii
PRAKATA	v
AKRONIM DAN SINGKATAN	xvii
BAB 1	PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI
Memanfaatkan Pemulihan Ekonomi	3
Mempertingkatkan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	4
Sisipan 1.1 – Malaysia ke arah Pelepasan Gas Rumah Kaca Sifar Bersih 2050	5
Tinjauan	6
Kedudukan Semasa Bajet 2022	7
Pengurusan Ekonomi	10
Rencana 1.1 – Usia Emas: Mendepani Cabaran Masyarakat Menua	10
Rencana 1.2 – Keperluan untuk Bebas daripada Belunggu Gaji Rendah	19
Rencana 1.3 – Mengutamakan Kecekapan Kerajaan dalam Meningkatkan Daya Saing Malaysia di Peringkat Global	33
Rencana 1.4 – Risiko dan Impak Iklim kepada Ekonomi	41
Inisiatif Strategik – Bajet 2023	49
Kesimpulan	52
Rujukan	53
BAB 2	TINJAUAN MAKROEKONOMI
Perspektif Keseluruhan	61
Ekonomi 2022	62
Ekonomi Global	62
Rencana 2.1 – Kesan Limpahan Konflik Rusia-Ukraine ke atas Malaysia	63

Ekonomi Domestik	67
Rencana 2.2 – Pengukuhan Sektor Pembinaan ke arah Pertumbuhan Ekonomi Mampan	74
Rencana 2.3 – Prestasi Perdagangan Malaysia: Pra, Semasa dan Pascapandemik (2017 – Jun 2022)	90
Rencana 2.4 – Inflasi Makanan di Malaysia	98
Tinjauan 2023	105
Tinjauan Global	105
Tinjauan Domestik	106
Kesimpulan	112
Rujukan	114

BAB 3 PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Perspektif Keseluruhan	121
Perkembangan Monetari	121
Prestasi Ringgit	122
Prestasi Sektor Perbankan	124
Prestasi Pasaran Modal	127
Sisipan 3.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal	132
Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam	133
Kesimpulan	135
Rujukan	136

JADUAL PERANGKAAN 139

ORGANISASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA 189

RAJAH

Ekonomi Negara 2023

Rajah 2.1.	Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar, Perdagangan dan Inflasi Global	62
Rajah 2.2.	Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan	68
Rajah 2.3.	Pengeluaran Sektor Pembuatan	70
Rajah 2.4.	Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman	73
Rajah 2.5.	Indeks Harga Rumah	73
Rajah 2.6.	Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman	73
Rajah 2.7.	Jurang Tabungan-Pelaburan	83
Rajah 2.8.	Rakan Dagang 10 Teratas	86
Rajah 2.9.	Rizab Antarabangsa	89
Rajah 2.10.	Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar	98
Rajah 3.1.	Agregat Monetari	122
Rajah 3.2.	Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih	123
Rajah 3.3.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	124
Rajah 3.4.	Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia	128
Rajah 3.5.	Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul	128
Rajah 3.6.	Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun	129
Rajah 3.7.	Prestasi Bursa Malaysia	130
Rajah 3.8.	Prestasi Pasaran Saham Terpilih	130
Rajah 3.9.	Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara	134

JADUAL

Jadual 2.1.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor	67
Jadual 2.2.	Prestasi Sektor Perkhidmatan	67
Jadual 2.3.	Indeks Pembuatan mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik	71
Jadual 2.4.	Nilai Ditambah Sektor Pertanian	72
Jadual 2.5.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat	81
Jadual 2.6.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan	84
Jadual 2.7.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan bagi Negara Terpilih	84
Jadual 2.8.	Perdagangan Luar Negeri	85
Jadual 2.9.	Eksport Kasar	85
Jadual 2.10.	Eksport Barangan Pembuatan	86
Jadual 2.11.	Import Barangan mengikut Penggunaan Akhir	87
Jadual 2.12.	Akaun Semasa Imbangan Pembayaran	88
Jadual 2.13.	Indeks Harga Pengguna	97
Jadual 2.14.	Indeks Harga Pengeluar	97
Jadual 2.15.	Penunjuk Pasaran Buruh	104
Jadual 2.16.	Guna Tenaga mengikut Sektor	105
Jadual 3.1.	Faktor Penentu M3	122
Jadual 3.2.	Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman	125
Jadual 3.3.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor	125

Jadual 3.4. Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal	127
Jadual 3.5. Bon Korporat Baharu mengikut Sektor	128
Jadual 3.6. Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih	131
Jadual 3.7. Perbankan Islam: Penunjuk Utama	133

AKRONIM DAN SINGKATAN

4IR	Revolusi Perindustrian Keempat	CAD	Dolar Kanada
5G	rangkaian selular generasi kelima	CAGR	Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun
ADB	Bank Pembangunan Asia	CBAM	Carbon Border Adjustment Mechanism
AEV	kenderaan tenaga alternatif	CCPT	Taksonomi Berasaskan Prinsip dan Perubahan Iklim
AFC	Krisis Kewangan Asia	CEO	Nudging Chief Executive Officer
AI	kecerdasan buatan	CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
AiF	Academy in Factory	COVID-19	Penyakit Coronavirus 2019
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	CPTPP	Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik
ALR	Kadar Pinjaman Purata	CSO	pertubuhan masyarakat sivil
AP	Approved Permit	DAP	diamonium fosfat
AS	Amerika Syarikat	DE	perbelanjaan pembangunan
ASEAN	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara	DFI	Institusi Kewangan Pembangunan
ASEAN – 5	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara – 5	DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
ASM	Akademi Sains Malaysia	DSAN	Dasar Sumber Air Negara
B40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah	DSR	nisbah khidmat hutang
B50	kumpulan isi rumah berpendapatan 50% terendah	E&E	elektrik dan elektronik
BDA	analitik data raya	E10	Permit Pembinaan Ekspres
BIM	permodelan maklumat bangunan	ECRL	Laluan Rel Pantai Timur
BKM	Bantuan Keluarga Malaysia	EEV	kenderaan cekap tenaga
BNM	Bank Negara Malaysia	EFT	Pemindahan Fiskal Ekologi
BOP	imbangan pembayaran	EMDE	Negara yang berkembang pesat dan negara membangun
bps	mata asas	ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
BR	Kadar Asas	eSPO	e-Shared Prosperity Organization
Bursa RISE	Skim Insentif Penyelidikan Bursa	EU	Kesatuan Eropah
BWE	Bantuan Warga Emas		

AKRONIM DAN SINGKATAN

EV	kenderaan elektrik	IHP	Indeks Harga Pengguna
FBM 100LC	Indeks Karbon Rendah ESG Terpilih 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia	IHPR	Indeks Harga Pengeluar
FBM 100LS	Indeks Karbon Rendah ESG Syariah Terpilih 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia	IMD	Institute for Management Development
FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia	IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
FDI	pelaburan langsung asing	i-MILIKI	Inisiatif Pemilikan Perumahan Keluarga Malaysia
Fed	Rizab Persekutuan AS	INFF	Rangka Kerja Pembiayaan Nasional Bersepadu
FEPO	Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah Malaysia Timur	IO	Input-Output
FIFA	Federation Internationale de Football Association	IoT	internet benda
FISIM	Perkhidmatan Pengantaraan Kewangan Diukur Secara Tidak Langsung	IPCC	Intergovernmental Panel on Climate Change
FIT	Tarif Galakan	IPO	Tawaran Awam Permulaan
FTA	perjanjian perdagangan bebas	JC3	Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim
GBP	Pound Sterling British	JENDELA	Jalinan Digital Negara
GFC	Krisis Kewangan Global	JPPN	Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara
GGP	Perolehan Hijau Kerajaan	KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
GHG	gas rumah kaca	KPTB	kadar penyertaan tenaga buruh
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
GLIC	Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan	LCTF	Kemudahan Peralihan Rendah Karbon
GTFS	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau	LK	lebih kendalian
HPAE	ekonomi Asia berprestasi tinggi	LKK	lebih kendalian kasar
HRW	hard red winter wheat	LNG	gas asli cecair
HV	kenderaan hibrid	LRT3	Transit Aliran Ringan Laluan 3
IBS	sistem binaan berindustri	LSS	Solar Berskala Besar
ICM	Pasaran Modal Islam	LT-LEDS	Long-Term Low Emission Development Strategies
IDSS	Jualan Singkat Intra Hari	M40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan
IEO	Pengendali Tawaran Awal Bursa		

MARCOP	Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit	MYOR-i	Kadar Semalaman Islam Malaysia
Mbps	megabit sesaat	MySTEP	Malaysia Short-Term Employment Programme
MED4IRN	Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara	NCD	Penyakit Tidak Berjangkit
MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	NCTF	Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia	NDC	Nationally Determined Contributions
MHTC	Malaysia Healthcare Travel Council	NEEAP	Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia	NEM	Pemeteran Tenaga Bersih
MNC	perbadanan multinasional	NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
MoF	Kementerian Kewangan Malaysia	NIA	Aspirasi Pelaburan Nasional
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	NIE	ekonomi perindustrian baharu
MoU	Memorandum Persefahaman	NPDIR	Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan
MPB	Tindakan Produktiviti Malaysia	NPGRP	Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia	NRW	Air Tidak Berhasil
MPC	Jawatankuasa Dasar Monetari	NZD	Dolar New Zealand
MPI	Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi	OE	perbelanjaan mengurus
MRANTI	Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation	OPEC	Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum
MRO	penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih	OPR	Kadar Dasar Semalaman
MRT	Transit Aliran Massa	PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
MRT3	Transit Aliran Massa Laluan 3	PDT	Pedagang Harian Proprietari
MSM	minyak sawit mentah	PEMULIH	Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi
MyCAC	Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia	PGG	Prinsip Tadbir Urus yang Baik
MyGP	Portal Garis Panduan Pelesenan Malaysia	PICK	Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan
MyMudah	Malaysia Mudah	PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
		PKS	perusahaan kecil dan sederhana

AKRONIM DAN SINGKATAN

PLC	syarikat senaraian awam	SRR	Kadar Sara Diri
PLWS	Sistem Upah Berkaitan Produktiviti	SRW	soft red winter wheat
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana	SSL	tahap sara diri
PNK	pendapatan negara kasar	SST	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
POME	efluen kilang minyak sawit	STEM	sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik
PP	pampasan pekerja	t.t.t.l.	tidak terkelas di tempat lain
PPE	peralatan perlindungan diri	T20	kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi
R&D&C&I	penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi	TEU	unit bersamaan dua puluh kaki
RIA	Analisis Impak Peraturan	TNK	Tabungan Negara Kasar
RM	Ringgit Malaysia	UK	United Kingdom
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025	UNFCCC	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim
RTS	Rangkaian Sistem Transit Rapid	URUS	Program Pengurusan Ketahanan Kewangan
SBR	Kadar Asas Standard	USD	Dolar Amerika Syarikat
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan	VCM	Pasaran Karbon Sukarela
SJKP	Skim Jaminan Kredit Perumahan	WBG	Kumpulan Bank Dunia
SOP	prosedur operasi standard	WCY	World Competitiveness Yearbook
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara	WGI	Worldwide Governance Indicators
SRI	Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab	WTO	World Trade Organisation
SRR	Nisbah Keperluan Rizab Berkanun		

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

03 MEMANFAATKAN PEMULIHAN EKONOMI

04 MEMPERTINGKATKAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

Sisipan 1.1 – Malaysia ke arah Pelepasan Gas Rumah
Kaca Sifar Bersih 2050

06 TINJAUAN

07 KEDUDUKAN SEMASA BAJET 2022

10 PENGURUSAN EKONOMI

Rencana 1.1 – Usia Emas: Mendepani Cabaran
Masyarakat Menua

Rencana 1.2 – Keperluan untuk Bebas daripada
Belunggu Gaji Rendah

Rencana 1.3 – Mengutamakan Kecekapan Kerajaan
dalam Meningkatkan Daya Saing Malaysia di
Peringkat Global

Rencana 1.4 – Risiko dan Impak Iklim kepada
Ekonomi

49 INISIATIF STRATEGIK – BAJET 2023

52 KESIMPULAN

53 RUJUKAN

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Memanfaatkan Pemulihan Ekonomi

Kesan kekal pandemik COVID-19 telah menyedarkan dunia bahawa pemulihan ekonomi harus lebih bersifat adaptif terhadap sebarang krisis yang tidak dijangka pada masa hadapan agar menjadi lebih berdaya tahan. Oleh itu, negara di seluruh dunia mula melaksanakan pelbagai langkah untuk memacu ekonomi kembali kepada momentum pertumbuhan pra-pandemik. Berikutan kesan pandemik COVID-19 yang semakin berkurangan, kebanyakan negara telah membuka semula sempadan, menandakan prospek pemulihan ekonomi yang lebih memberangsangkan. Namun begitu, dunia terus menghadapi pelbagai cabaran termasuk kesan berterusan konflik Rusia-Ukraine, harga komoditi yang tinggi serta lain-lain isu serantau dan global yang menimbulkan risiko penurunan kepada pertumbuhan ekonomi.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjur semula pertumbuhan ekonomi global kepada kadar yang lebih rendah iaitu 3.2% pada 2022 selepas mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 6.1% pada 2021. Ini berikutan konflik Eropah Timur yang berpanjangan, sekatan ke atas Rusia, langkah sifar COVID-19 yang ketat di China, dasar monetari yang lebih ketat di Amerika Syarikat dan kemungkinan kemunculan jenis varian baharu COVID-19. Lanjutan daripada itu, pertumbuhan perdagangan dunia yang melonjak sebanyak 10.1% pada 2021, dijangka menguncup kepada 4.1% pada 2022. IMF juga mengunjurkan harga minyak mentah global kekal tinggi pada purata USD107 setong pada 2022 berikutan konflik Russia-Ukraine. Manakala inflasi diunjurkan pada paras 6.6%

dalam ekonomi maju dan 9.5% dalam negara yang berkembang pesat dan membangun (EMDE) didorong oleh harga komoditi dan makanan yang tinggi.

Pemulihan ekonomi di peringkat domestik telah mencatat momentum pertumbuhan sebanyak 3.1% pada 2021 berbanding penguncupan 5.5% pada 2020. Trend pertumbuhan ekonomi berterusan sehingga 2022 dengan pertumbuhan sebanyak 5% pada suku pertama dan 8.9% pada suku kedua. Pada masa ini, negara sedang beralih kepada fasa endemik dan proses pemulihan ekonomi sedang berjalan dengan baik. Sehubungan itu, usaha kini tertumpu kepada pelaksanaan segera langkah dan strategi pasca COVID-19 termasuk mempercepat pemulihan perniagaan, menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif, memudah cara perdagangan dan pelaburan, menambah baik pasaran buruh, melindungi mata pencarian isi rumah dan menerapkan prinsip kemampanan di seluruh spektrum ekonomi.

Malaysia membuka semula sempadannya pada 1 April 2022 bagi mempercepatkan lagi pertumbuhan dengan matlamat untuk memulihkan semula industri pelancongan yang merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melaporkan bahawa lebih 1.6 juta ketibaan pelancong didaftarkan bagi Mei dan Jun 2022 berbanding hampir 490,000 dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini. Industri pelancongan mencatat semula pencapaian luar biasa pada Jun dengan ketibaan pelancong direkodkan berjumlah lebih 971,000, iaitu peningkatan melebihi 150 kali ganda berbanding bulan yang sama tahun lepas yang melaporkan ketibaan hanya sekitar 6,500.

Mempertingkatkan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Agenda kemampanan dan perubahan iklim telah mendapat perhatian di seluruh dunia, terutama selepas pandemik COVID-19. Dalam usaha pembinaan semula ekonomi dan pemulihan pasca bencana, kerajaan dan perniagaan mengenal pasti peluang baharu dan membangunkan pendekatan perniagaan yang holistik secara cekap dan berkesan bagi mewujudkan ekonomi yang lebih berdaya tahan. Penggunaan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam pembuatan keputusan pelaburan semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pilihan pengguna dan sikap awam terhadap ESG turut mempengaruhi perniagaan untuk mengamalkan amalan mampan. Di samping meningkatkan pendedahan dan ketelusan kemampanan syarikat, agenda ESG sebagai sebahagian daripada dasar dan amalan syarikat dapat mengurangkan kesan keputusan perniagaan terhadap alam sekitar dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Agenda kemampanan turut dipengaruhi oleh tindakan unilateral yang diambil oleh negara dan ekonomi dalam menangani pelepasan karbon, seperti peraturan Mekanisme Penyesuaian Sempadan Karbon yang diperkenalkan oleh Kesatuan Eropah yang mengehendkan dan mengawal selia import produk berintensif karbon berkaitan industri tertentu. Justeru, Malaysia akan mempercepat dan memperkukuh agenda kemampanan domestik dan ekosistem ESG bagi memastikan produk dan perkhidmatan tempatan terus berdaya saing. Dalam jangka masa panjang, Malaysia komited untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Perjanjian Paris serta aspirasi untuk mencapai pelepasan gas rumah kaca (GHG) sifar bersih seawal 2050.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi mencapai aspirasi berkenaan termasuk Pasaran Karbon Sukarela (VCM) yang akan diwujudkan oleh Bursa Malaysia sebagai platform dagangan untuk pengimbangan karbon. Sementara itu, Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (MyCAC) akan memastikan penjajaran dasar berkaitan isu perubahan iklim dan agenda pembangunan hijau di kalangan kementerian berkaitan ekonomi dan alam sekitar serta kerajaan negeri dapat dicapai. Ini selaras dengan kesedaran kepentingan penyelarasan yang baik di peringkat kebangsaan mengenai pertumbuhan hijau di negara ini.

SISIPAN 1.1

MALAYSIA KE ARAH PELEPASAN GAS RUMAH KACA SIFAR BERSIH 2050

	<p>PERSIDANGAN BUMI RIO</p> <ul style="list-style-type: none"> Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) ditubuhkan di Persidangan Bumi Rio pada 1992. 	1992		
	<p>PERSIDANGAN RANGKA KERJA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENGENAI PERUBAHAN IKLIM</p> <ul style="list-style-type: none"> Malaysia meratifikasi UNFCCC dan menjadi ahli persidangan pada 1994. Malaysia meratifikasi Protokol Kyoto pada 2002. 	1994-2022		
	<p>DASAR PERUBAHAN IKLIM NEGARA</p> <ul style="list-style-type: none"> Rangka kerja bagi memobilisasi dan memberi panduan kepada agensi kerajaan, industri, komuniti serta pihak berkepentingan lain dalam menghadapi cabaran perubahan iklim secara bersepadu dan menyeluruh. <p>DASAR DAN PELAN TINDAKAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI KEBANGSAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui bagi menyumbang ke arah sekuriti bekalan elektrik negara dan pembangunan sosioekonomi yang mampan. 	2009		
	<p>PERJANJIAN PARIS</p> <ul style="list-style-type: none"> UNFCCC menerima pakai Perjanjian Paris pada 2015. Malaysia meratifikasi Perjanjian Paris pada 2016. 	2016		
	<p>STRATEGI REDD PLUS KEBANGSAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Memandu negara dalam mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) akibat penyahhutanan dan degradasi hutan di samping mengekalkan 50% litupan hutan. Membantu negara mencapai: <ol style="list-style-type: none"> Komitmen Nationally Determined Contributions (NDC) di bawah Perjanjian Paris UNFCCC; Sasaran Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (2016-2025); dan Sasaran dasar-dasar hutan peringkat kebangsaan dan negeri. 	2017		
	<p>KOMITMEN MALAYSIA KE ARAH PELEPASAN GAS RUMAH KACA SIFAR BERSIH SEAWAL 2050</p> <ul style="list-style-type: none"> Pada September 2021, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi komitmen bahawa Malaysia akan menjadi negara ke arah pelepasan gas rumah kaca (GHG) sifar bersih seawal 2050. Kerajaan akan mengambil kira aspek kelestarian serta prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam proses pembuatan keputusan. 	2021		
2022 DAN SETERUSNYA				
	<p>DASAR TENAGA NEGARA 2021 - 2040</p> <ul style="list-style-type: none"> Sumbangan tenaga boleh diperbaharui dalam sumber tenaga yang dihasilkan (jumlah kapasiti terpasang) dijangka meningkat kepada 18,431MW menjelang 2040. 	2022		
	<p>LONG-TERM LOW EMISSION DEVELOPMENT STRATEGIES (LT-LEDS)</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggariskan strategi dan tindakan bagi mengurangkan pelepasan GHG untuk sektor ekonomi utama negara yang akan menjadi asas dalam menentukan hala tuju dan tahun sasaran sifar bersih negara. Contohnya, mekanisme penetapan harga karbon termasuk cukai karbon dan skim perdagangan karbon domestik. 	2022		
	<p>PASARAN KARBON SUKARELA (VCM)</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembangunan VCM Malaysia akan diselaraskan oleh Bursa Malaysia dan dijangka dilancarkan pada penghujung 2022. 	2022		
<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <p>PENCAPAIAN SEHINGGA 2022</p> <ul style="list-style-type: none"> Penubuhan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (MyCAC) dan Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3). Penerbitan sehingga RM10 billion bagi Sukuk Kelestarian di bawah Bajet 2022. Penjajaran peruntukan pembangunan dan mengurus tahunan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Penubuhan Yayasan MySDG. Pembangunan Rangka Kerja Kewangan Kebangsaan Bersepadu (INFF). Pelaksanaan Taksonomi berasaskan Prinsip dan Perubahan Iklim (CCPT dan panduan sektoral Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBIAF). Pelaksanaan Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF). </td> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <p>TINDAKAN SETERUSNYA:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan usaha penghutanan semula dan meningkatkan penyerapan karbon semula jadi Malaysia. Menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga merentasi semua sektor. Menguukuhkan ekosistem perakaunan karbon dalam kalangan pihak berkepentingan. Mengenal pasti mekanisme penetapan harga karbon yang sesuai. Menggalakkan industri kenderaan elektrik (EV) dan mengukuhkan ekosistem sokongan. </td> </tr> </table>			<p>PENCAPAIAN SEHINGGA 2022</p> <ul style="list-style-type: none"> Penubuhan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (MyCAC) dan Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3). Penerbitan sehingga RM10 billion bagi Sukuk Kelestarian di bawah Bajet 2022. Penjajaran peruntukan pembangunan dan mengurus tahunan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Penubuhan Yayasan MySDG. Pembangunan Rangka Kerja Kewangan Kebangsaan Bersepadu (INFF). Pelaksanaan Taksonomi berasaskan Prinsip dan Perubahan Iklim (CCPT dan panduan sektoral Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBIAF). Pelaksanaan Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF). 	<p>TINDAKAN SETERUSNYA:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan usaha penghutanan semula dan meningkatkan penyerapan karbon semula jadi Malaysia. Menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga merentasi semua sektor. Menguukuhkan ekosistem perakaunan karbon dalam kalangan pihak berkepentingan. Mengenal pasti mekanisme penetapan harga karbon yang sesuai. Menggalakkan industri kenderaan elektrik (EV) dan mengukuhkan ekosistem sokongan.
<p>PENCAPAIAN SEHINGGA 2022</p> <ul style="list-style-type: none"> Penubuhan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (MyCAC) dan Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3). Penerbitan sehingga RM10 billion bagi Sukuk Kelestarian di bawah Bajet 2022. Penjajaran peruntukan pembangunan dan mengurus tahunan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Penubuhan Yayasan MySDG. Pembangunan Rangka Kerja Kewangan Kebangsaan Bersepadu (INFF). Pelaksanaan Taksonomi berasaskan Prinsip dan Perubahan Iklim (CCPT dan panduan sektoral Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBIAF). Pelaksanaan Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF). 	<p>TINDAKAN SETERUSNYA:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan usaha penghutanan semula dan meningkatkan penyerapan karbon semula jadi Malaysia. Menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga merentasi semua sektor. Menguukuhkan ekosistem perakaunan karbon dalam kalangan pihak berkepentingan. Mengenal pasti mekanisme penetapan harga karbon yang sesuai. Menggalakkan industri kenderaan elektrik (EV) dan mengukuhkan ekosistem sokongan. 			
	<p>KOMITMEN NDC DI BAWAH UNFCCC</p> <ul style="list-style-type: none"> Malaysia akan mengurangkan intensiti pelepasan GHG kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDKN) sehingga 45% menjelang 2030 berbanding tahap pada tahun 2005. 	2030		
	<p>KOMITMEN MALAYSIA KE ARAH PELEPASAN GAS RUMAH KACA SIFAR BERSIH</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyemak semula pencapaian negara dalam merealisasikan aspirasi ke arah pelepasan gas rumah kaca sifar bersih dan mengenal pasti langkah terbaik selanjutnya. 	2050		

Tinjauan

Ekonomi Global

Persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar telah mendorong IMF untuk menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi kepada kadar yang lebih rendah iaitu 3.2% untuk 2022 terutamanya disebabkan oleh kelembapan aktiviti ekonomi di China dan konflik geopolitik yang berpanjangan. Senario ini dijangka mengakibatkan gangguan rantaian bekalan yang berterusan, kenaikan mendadak dalam harga komoditi serta keadaan kewangan yang mencabar. Sejak Mac 2022, harga minyak mentah Brent yang berada pada purata melebihi USD100 setong telah menyebabkan tekanan inflasi global. Justeru, harga komoditi yang tinggi telah menggesa kebanyakan bank pusat mengetatkan dasar monetari. Tindakan ini seterusnya mengurangkan penggunaan swasta dan kuasa beli isi rumah. Cabaran ini mungkin berlarutan dan dijangka terus menjejaskan pertumbuhan pada 2023.

Ekonomi Domestik

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 6.9% pada separuh pertama 2022 disokong oleh momentum yang menggalakkan dalam ekonomi domestik dan pengembangan sektor luar yang stabil serta pasaran buruh yang terus bertambah baik. Prestasi kukuh ini dijangka berterusan disokong oleh peningkatan dalam penggunaan swasta dan aktiviti perniagaan seperti ketibaan pelancong yang semakin meningkat apabila ekonomi beralih kepada fasa endemik COVID-19. Momentum pertumbuhan ini turut disumbangkan oleh sokongan dasar Kerajaan yang konsisten terutamanya dengan pelaksanaan inisiatif di bawah Bajet 2022, pelbagai pakej bantuan dan rangsangan serta kesan limpahan daripada langkah Bajet 2021.

Selaras dengan pelaksanaan berterusan program dan projek pembangunan, ekonomi dijangka terus berkembang pada separuh

kedua tahun ini. Prospek pertumbuhan telah disokong oleh penyambungan semula aktiviti ekonomi dan sosial serta peningkatan aktiviti perjalanan antarabangsa berikutan kelonggaran sekatan COVID-19 di peringkat serantau. Berdasarkan prospek Indeks Pelopor yang lebih baik, ekonomi dijangka memperoleh momentum pertumbuhannya pada separuh kedua disumbangkan oleh permintaan domestik yang kukuh ketika negara beralih kepada fasa endemik. Ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada keseluruhan 2022 iaitu dalam julat 6.5% – 7%. Ekonomi domestik kekal berdaya tahan dan dijangka berkembang antara 4% – 5% pada 2023 didorong oleh permintaan dalam negeri. Namun begitu, tahap pemulihan ekonomi turut bergantung kepada faktor lain termasuk kejayaan membendung pandemik, sokongan untuk kos sara hidup dan usaha dalam mengurangkan risiko seperti ketidakpastian geopolitik, inflasi global serta keadaan kewangan yang tidak menentu.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Tahap akomodasi monetari dikurangkan berikutan prospek pertumbuhan domestik yang kukuh dalam persekitaran tekanan inflasi yang sederhana. Sehubungan itu, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dinaikkan tiga kali pada Mei, Julai dan September 2022 kepada 75 mata asas (bps) kepada 2.5% daripada paras terendah dalam sejarah iaitu 1.75% sejak 7 Julai 2020. Kenaikan OPR ini dilaksanakan selaras dengan prestasi ekonomi domestik yang kukuh. Walau bagaimanapun, memandangkan kadar OPR pra-pandemik jauh lebih tinggi pada 3% hingga 3.25%, pendirian dasar monetari pada 2022 kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam persekitaran kestabilan harga. Selain itu, Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia (BNM) telah menekankan bahawa tahap normalisasi kadar faedah akan dilaksanakan secara teratur dan beransur-ansur untuk memastikan pasaran dapat melaksanakan penyesuaian dengan sewajarnya.

Melangkah ke hadapan, sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan disokong oleh tadbir urus yang baik dan amalan pengurusan risiko berhemat meskipun USD semakin mengukuh berbanding mata wang utama dan prospek pertumbuhan global yang mencabar. Selain itu, Pelan Induk Pasaran Modal Malaysia 2021 – 2025 dan Pelan Sektor Kewangan 2022 – 2026 yang menggariskan visi dan strategi pembangunan sektor kewangan negara akan meningkatkan lagi prestasi keseluruhan pasaran kewangan sejajar dengan landskap ekonomi dan kewangan yang semakin berkembang.

Kedudukan Semasa Bajet 2022

Selaras dengan tema “Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera”, Bajet 2022 memberi tumpuan kepada memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan. Beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk memastikan kesejahteraan rakyat, daya tahan perniagaan serta kemakmuran dan kemampuan ekonomi. Sehubungan itu, RM385.3 bilion telah diperuntukkan pada 2022 dengan RM284.7 bilion bagi perbelanjaan mengurus (OE), RM71.8 bilion bagi perbelanjaan pembangunan (DE) dan RM28.8 bilion bagi dana COVID-19. Jumlah tersebut adalah 15.5% lebih tinggi berbanding jumlah pada 2021.

Kesejahteraan Rakyat

Kerajaan komited melaksanakan program berteraskan kesejahteraan rakyat. Sehingga September 2022, sebanyak RM5.9 bilion daripada RM8.4 bilion bagi program Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) telah disalurkan dan memanfaatkan 8.7 juta penerima. Kerajaan juga sentiasa mengutamakan kesihatan awam untuk membina daya tahan negara selaras dengan peralihan Malaysia kepada fasa endemik COVID-19. Justeru, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah ditawarkan kepada

semua penduduk dewasa serta diperluaskan kepada kanak-kanak berumur 6 hingga 17 tahun. Pada akhir September 2022, lebih daripada 84% kumpulan sasar ini telah menerima sekurang-kurangnya dua dos vaksin.

Selain itu, Bajet 2022 telah memperkenalkan inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia dengan peruntukan RM4.8 bilion untuk menyediakan 600,000 peluang pekerjaan menjelang akhir 2022. Inisiatif ini terdiri daripada tiga program iaitu JaminKerja, *Malaysia Short-Term Employment Programme* (MySTEP) serta program peningkatan kemahiran dan latihan semula yang memberi manfaat kepada lebih 310,500 penerima sehingga akhir Ogos 2022.

Perniagaan Berdaya Tahan

Penyambungan semula aktiviti ekonomi dijangka dapat mendorong pemulihan perniagaan. Kerajaan terus menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi memastikan pemulihan ekonomi dan memangkin pertumbuhan ke arah mencapai kemakmuran, keterangkuman dan kemampuan pada masa hadapan. Dalam usaha meminimumkan impak krisis, Kerajaan telah mengumumkan pelbagai inisiatif di bawah Bajet 2022 untuk memastikan kesinambungan perniagaan. Usaha ini antara lain termasuk Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia yang menyediakan pinjaman langsung, jaminan pembiayaan dan skim berasaskan ekuiti dengan jumlah peruntukan sebanyak RM40.1 bilion. Sehingga Ogos 2022, lebih 69,000 perniagaan dari pelbagai saiz mendapat manfaat daripada program ini. Program lain yang diperkenalkan untuk terus mengekalkan daya tahan perniagaan termasuk Geran Padanan Automasi Pintar, Hab Inovasi: Revolusi Industri Keempat (4IR), Tabung Cerdik, Program Subsidi Upah dan Projek Transformasi Perusahaan Industri Getah Negara.

Kerajaan juga komited untuk memudahcara urusan menjalankan perniagaan dalam usaha meningkatkan daya saing syarikat. Inisiatif utama termasuk pelanjutan potongan cukai

sehingga RM300,000 untuk mengubah suai dan membaik pulih premis perniagaan bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 serta memudahkan urusan pendaftaran syarikat bagi meningkatkan peluang penyertaan dalam perolehan kerajaan.

Kerajaan juga terus mempromosikan 4IR melalui pembangunan kluster teknologi baru muncul seperti dron, robotik dan kenderaan tanpa pemandu. Pelan Teknologi Dron Malaysia yang diumumkan pada September 2022 akan diterajui oleh Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI). Pelan ini dijangka memberi pendedahan dan manfaat kepada peneraju industri E&E, bakal usahawan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat baru mula. Majlis Ekonomi Digital Kebangsaan dan Revolusi Perindustrian Keempat akan mentadbir dan memantau kemajuan pelaksanaan pelan ini.

Kerajaan akan memperkukuh ekosistem syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) supaya lebih berdaya tahan ke arah pertumbuhan industri baharu bernilai tinggi. Usaha ini antara lain termasuk pengukuhan institusi pelaburan milik kerajaan melalui Prinsip Tadbir Urus yang Baik (PGG) yang akan menjadi rujukan utama sebagai asas tadbir urus dan amalan kemampanan kepada semua GLIC. Tiga prinsip utama PGG adalah berdasarkan kepimpinan dan keberkesanan lembaga pengarah; memastikan komposisi lembaga yang optimum, berkelayakan dan berwibawa; serta menyokong pengendalian pelaburan dengan efektif.

Industri pelancongan telah terjejas teruk semasa pandemik COVID-19 dan masih dalam proses pemulihan ke tahap sebelum pandemik walaupun tiada lagi sekatan perjalanan yang dikuatkuasakan. Melalui Bajet 2022, MOTAC telah menerima peruntukan lebih tinggi iaitu sejumlah RM1.6 bilion untuk mempergiat pemulihan industri ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM600 juta diperuntukkan untuk Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA di bawah Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Skim ini menyokong

perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) mengekalkan kapasiti tenaga kerja serta membantu menjalankan pelaburan yang sesuai supaya kekal berdaya maju pasca COVID-19. Sehingga 6 Julai 2022, RM88.1 juta telah diluluskan kepada 421 pemohon. Selain itu, sebanyak RM85 juta diperuntukkan sebagai bantuan khas kepada lebih 20,000 pengusaha pelancongan manakala RM10 juta kepada anak-anak Sabah dan Sarawak bagi program dan aktiviti berkaitan budaya dan warisan.

Sementara itu, lebih 26,000 majikan dan 330,000 pekerja dalam industri pelancongan mendapat manfaat daripada RM600 juta yang diperuntukkan bagi Program Subsidi Upah. Industri ini juga menerima beberapa pelanjutan insentif cukai termasuk pengecualian cukai pendapatan untuk penganjuran aktiviti seni dan kebudayaan serta pertandingan sukan dan rekreasi antarabangsa sehingga tahun taksiran 2025.

Kesejahteraan dan Kemampanan Ekonomi

Kerajaan komited untuk memperkukuh pembangunan negara berasaskan kemakmuran, kemampanan dan keterangkuman. Dalam usaha menyokong agenda kemampanan, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan melaksanakan dasar penetapan harga karbon yang menetapkan kos pelepasan karbon untuk didagangkan di pasaran. Inisiatif VCM Malaysia oleh Bursa Malaysia serta Kemudahan Peralihan Rendah Karbon oleh BNM akan membantu perniagaan bergerak ke arah mengurangkan pelepasan karbon secara keseluruhan. Pengukuhan sektor tenaga boleh baharu serta ekosistem kenderaan elektrik dijangka akan menggalakkan lagi sektor ini seterusnya menarik perniagaan baharu serta mewujudkan peluang pekerjaan.

Pelbagai program pemeliharaan dan pemuliharaan warisan semula jadi negara berkaitan alam sekitar dan biodiversiti telah dilaksana bagi memastikan ketersediaan

berterusan sumber asli untuk generasi masa hadapan. Langkah ini antara lain melibatkan penyertaan pribumi dan masyarakat setempat dalam usaha pemuliharaan dan penguatkuasaan kawasan perlindungan hidupan liar, kempen dan program penanaman pokok dan penghutan semula serta menggalakkan peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) di kawasan setempat. Kerajaan juga telah melaksanakan projek kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di Perlis, Kedah, Pahang, Kelantan, Sarawak, Sabah dan Labuan dengan peruntukan sebanyak RM300 juta pada 2022. Geran padanan telah diberikan kepada operator perkhidmatan air yang berjaya mencapai sasaran pengurangan kadar NRW yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat dan merapatkan jurang ekonomi antara wilayah di Malaysia. Bagi Semenanjung Malaysia, projek pembangunan infrastruktur negara yang masih dalam pelaksanaan antaranya pembinaan lebuh raya *Central Spine Road* serta projek menaik taraf loji rawatan kumbahan dan pembinaan rangkaian paip pembedahan di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Manakala di Sabah dan Sarawak, selain Lebuh raya Pan Borneo, projek lain yang sedang dibangunkan termasuk pembinaan Pencawang Masuk Utama dan talian penghantaran elektrik 132V di Paitan; bekalan air luar bandar di Lubok Antu; program bantuan pembinaan rumah di Sarawak; pembinaan jalan perhubungan luar bandar dan pembangunan kawasan kecil bagi penanaman getah kepada pekebun kecil.

Di samping itu, Kerajaan terus mengambil langkah untuk membina dan menaik taraf infrastruktur di kawasan serantau melalui pihak berkuasa koridor ekonomi termasuk pengangkutan, jalan raya dan taman perindustrian untuk menarik pelaburan dan meningkatkan aktiviti ekonomi. Langkah ini akan menggalakkan pewujudan lebih

banyak pekerjaan dan meningkatkan peluang keusahawanan di kawasan tersebut. Antara projek baharu yang dilancarkan oleh agensi pembangunan koridor wilayah ialah *Kedah Rubber City*, Projek Pembangunan Semula Kampung Laut di Kelantan, Pelabuhan Darat Perlis dan *Iskandar Rapid Transit* di Johor. Projek lain yang sedang dijalankan termasuk menaik taraf jalan Taman Perindustrian Samalaju di Sarawak dan pembesaran Pelabuhan Teluk Sepanggar di Sabah.

Sehingga akhir Jun 2022, sekitar 7.2 juta premis telah mendapat akses jalur lebar gigabit manakala 95.8% daripada semua kawasan berpenduduk menikmati akses kepada rangkaian 4G di bawah program Jalinan Digital Negara (JENDELA). Kelajuan jalur lebar telah meningkat kepada 47.04 Mbps melebihi sasaran 35 Mbps dalam fasa 1 yang akan berakhir tahun ini. Selain itu, capaian jalur lebar melalui satelit di 839 lokasi telah disediakan manakala perkhidmatan 5G dilancarkan di beberapa kawasan terpilih di Cyberjaya, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Perkhidmatan ini akan diperluas ke bandar utama di sembilan negeri lain.

Sejajar dengan objektif Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Dasar 4IR Negara, MyDIGITAL Corporation antara lain menyediakan pengetahuan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) kepada pelajar, guru dan orang awam. MyDIGITAL Corporation juga meneruskan usaha untuk memperluas penggunaan e-pembayaran dalam kalangan masyarakat dan menyediakan latihan digitalisasi perniagaan kepada PMKS. Selain itu, beberapa inisiatif telah dirancang termasuk mengurangkan 50% tempoh pemprosesan bagi kelulusan sijil kerja keudaraan untuk operasi dron pertanian. Manakala penyelesaian pintar seperti aplikasi Lebu Raya Pintar dan Mobiliti Pintar akan dibangunkan bagi sektor pengangkutan dan logistik untuk meningkatkan keselamatan jalan raya, mengurangkan kesesakan dan menyediakan mobiliti yang lancar untuk pengguna jalan raya.

Pengurusan Ekonomi

Ekonomi Malaysia akan kekal dalam trajektori pertumbuhan positif pada 2023 terutamanya didorong oleh permintaan domestik berikutan peralihan kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Kerajaan terus menyokong penguatan ekonomi melalui pelaksanaan dasar dan langkah untuk memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi memudahcara aktiviti ekonomi dan memenuhi keperluan rakyat. Bagi meningkatkan daya tahan pertumbuhan ekonomi mampan, Kerajaan akan mengutamakan agenda pembaharuan struktur untuk mengekalkan momentum pemulihan ekonomi pasca COVID-19 dalam mendepani cabaran yang timbul daripada ketidakpastian geopolitik dan perubahan iklim.

Isu dan Cabaran

Rakyat

Perlindungan Sosial

Pada masa ini, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] tidak mewajibkan pekerja yang bekerja sendiri termasuk pekerja sektor informal dan pekerja gig untuk mencarum di bawah skim keselamatan sosial. Sehingga Julai 2022, hanya 14% daripada 2.8 juta pekerja yang bekerja sendiri mencarum dalam skim ini. Situasi ini menunjukkan kesedaran yang rendah dalam kalangan pekerja untuk melindungi diri daripada keadaan yang tidak diduga seterusnya boleh menyebabkan kehilangan pendapatan. Sementara itu, pangkalan data yang tidak teratur antara pelbagai kementerian menyebabkan ralat pemasukan dan penyisihan yang boleh mengakibatkan pertindihan atau keciciran dalam pemberian bantuan.

RENCANA 1.1

Usia Emas: Mendepani Cabaran Masyarakat Menua

Pengenalan

Penuaan penduduk merupakan fenomena global dan biasanya dihadapi oleh negara maju yang mempunyai taraf hidup tinggi. Walau bagaimanapun, fenomena ini semakin ketara di kebanyakan negara membangun sejak dekad kebelakangan ini. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)¹ mentakrifkan penduduk menua sebagai komuniti yang berumur 65 tahun ke atas. Sesebuah negara menjadi negara menua apabila penduduk menua mencapai 7% daripada jumlah penduduk. Jepun adalah antara negara yang telah lama menjadi negara sangat tua² dengan 28.7% daripada jumlah penduduk berumur melebihi 65 tahun. Contoh negara sangat tua yang lain termasuk Itali dengan 23% diikuti Finland (21.9%), Portugal (21.8%), Jerman (21.4%) dan Serbia (20.2%).³


Sesebuah negara menua akan mengalami peningkatan dalam jangka hayat berikutan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan taraf hidup yang lebih baik serta faktor penurunan dalam kadar kesuburan. Corak penurunan kadar kesuburan dan peningkatan jangka hayat telah semakin jelas di Malaysia. Pada 2020, kadar kesuburan Malaysia menurun kepada 1.7% berbanding 2.1% pada 2010 seperti dalam Rajah 1.1.1. Manakala, penduduk berumur 65 tahun ke atas telah meningkat kepada 6.8% daripada 32.4 juta jumlah penduduk berbanding 5% daripada 27.5 juta dalam tempoh yang sama.

¹ United Nations Department of Economic and Social Affairs, World Population Ageing 2019.

² Negara menua-penduduk menua melebihi 7% daripada jumlah penduduk; negara tua - melebihi 14%; Negara sangat tua - melebihi 20%.

³ United Nations Population Division, World Population Prospects 2019.

RAJAH 1.1.1. Jangka Hayat dan Kadar Kesuburan Malaysia, 2010 - 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walaupun Banci Penduduk dan Perumahan 2020 menunjukkan Malaysia belum dikategorikan sebagai negara menua, namun Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengunjurkan 7.3% daripada jumlah penduduk⁴ akan mencapai umur 65 tahun ke atas pada 2022. Penduduk menua di Malaysia telah meningkat dengan kadar yang lebih pantas daripada jangkaan awal iaitu 2030. Menjelang 2050, penduduk Malaysia yang berumur 65 tahun ke atas dijangka melebihi 15% seterusnya akan menjadikan Malaysia sebagai negara tua.

Penuaan penduduk merupakan trend demografi yang akan mempengaruhi pelbagai dasar awam dengan ketara. Memandangkan bahagian penduduk tua semakin besar, perbelanjaan awam akan lebih tinggi bagi menampung jangkaan peningkatan dalam perbelanjaan penjagaan kesihatan, pencen dan penjagaan jangka masa panjang. Di samping itu, jumlah penduduk tua yang semakin bertambah akan menyebabkan kekurangan guna tenaga dan mewujudkan potensi risiko ke atas jaminan pendapatan di usia tua.

Bagi menghadapi cabaran berikutan penduduk menua, maka Kerajaan, perniagaan dan masyarakat keseluruhannya wajar bersedia untuk mengadaptasi perubahan keperluan dan struktur demografi dalam ekonomi. Persediaan ini bagi memastikan tiada sesiapa yang tertinggal dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia khususnya warga tua selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).⁵ Oleh itu, rencana ini akan menganalisis cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan apabila Malaysia menjadi negara menua.


⁴ Anggaran Penduduk Semasa Malaysia, 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia.

⁵ Matlamat SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan.

Penduduk Malaysia: Demografi dan Struktur Umur

Malaysia telah mengalami perubahan demografi yang ketara sejak 50 tahun yang lalu seperti dalam Rajah 1.1.2. Umur muda (0 hingga 14 tahun) menunjukkan trend penurunan manakala umur bekerja (15 hingga 64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih) menunjukkan sebaliknya. Secara umumnya, penduduk umur bekerja yang bertambah memberi gambaran positif kepada potensi bekalan tenaga kerja di negara ini. Walau bagaimanapun, trend populasi yang berbeza antara umur muda dengan umur tua menunjukkan saiz penduduk umur bekerja akan mengecil dalam jangka masa panjang. Tambahan pula, penurunan kadar kelahiran mungkin akan menyebabkan negara menghadapi kesukaran menyediakan guna tenaga yang mencukupi dalam pasaran buruh seterusnya memberi kesan kepada ekonomi.

RAJAH 1.1.2. Struktur Umur (%) dan Nisbah Tanggungan, 1970 - 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan kebergantungan populasi umur muda dan tua kepada penduduk umur bekerja juga menjadi kebimbangan di Malaysia. Nisbah tanggungan umur sering digunakan untuk mengukur beban kewangan penduduk yang aktif bekerja dalam sesebuah komuniti. Bagi tujuan analisis yang berkaitan dengan negara yang semakin menua, nisbah tanggungan umur tua (OADR) mengukur bilangan umur tua bagi setiap 100 orang penduduk umur bekerja. Nisbah 10.5 pada 2022 adalah lebih tinggi berbanding 7.5 pada 2010 yang menunjukkan kadar kebergantungan yang lebih besar kepada penduduk umur bekerja. Komposisi tenaga kerja yang berkurangan akan meningkatkan beban kepada penduduk umur bekerja dalam menampung keperluan populasi umur muda dan tua. Oleh itu, OADR yang lebih tinggi dijangka menyebabkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi lebih perlahan (ASM Science Journal, 2020) dalam jangka masa panjang berikutan peningkatan dalam segmen penduduk yang tidak produktif.

Walaupun penuaan penduduk biasanya diukur di peringkat nasional, pengukuran mengikut negeri telah memberikan beberapa cerapan berguna. Pada 2020, Perak, Kedah, Perlis dan Sarawak dianggap sebagai negeri menua dengan peratusan penduduk berumur 65 tahun ke atas lebih daripada 7%. Sekiranya trend ini berterusan, bilangan negeri menua akan meningkat secara beransur-ansur pada tahun mendatang memandangkan lapan negeri lain iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kelantan, Melaka, Pahang dan Johor mencatat lebih 6% golongan tua seperti dalam Rajah 1.1.3.

RAJAH 1.1.3. Penduduk Berumur 65 Tahun dan Lebih mengikut Negeri, 2010 dan 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penuaan Penduduk dari Aspek Ekonomi dan Sosial

Perubahan struktur umur penduduk dalam sesebuah negara akan memberikan cabaran ekonomi dan sosial yang besar kepada kerajaan (PBB, 2019). Peningkatan OADR akan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi, simpanan, penggunaan, cukai dan pencen pada masa hadapan (Ingham, Chirijevskis, & Carmichael, 2009). Kerajaan perlu melaksanakan pelarasan sosial tertentu seperti bantuan untuk warga emas⁶ yang mungkin melibatkan peruntukan kewangan tambahan apabila penduduk tua semakin meningkat usia.

Peranan berkesan Kerajaan dalam menyediakan pelbagai kemudahan dan keperluan asas untuk rakyat menyumbang kepada jangka hayat penduduk yang lebih panjang dan membolehkan penduduk tua yang sihat terus menyumbang kepada masyarakat melalui kerja bergaji atau tidak bergaji seperti kerja penjagaan. Namun begitu, penduduk yang menua lebih berisiko untuk jatuh miskin dan memerlukan pelbagai program perlindungan sosial daripada Kerajaan. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk memastikan akses kepada jaringan keselamatan sosial disediakan seperti dana simpanan, penjagaan kesihatan, penjagaan jangka masa panjang dan sokongan sosial lain dalam masyarakat yang semakin menua bagi melindungi nyawa dan kehidupan warga tua.

Penuaan dan Implikasi terhadap Perbelanjaan Kerajaan

Kerajaan bertanggungjawab memastikan ekonomi menjana pendapatan yang mampan; memperuntukkan sumber dengan cekap; dan mengagihkan pendapatan dengan berkesan. Memandangkan kumpulan umur bekerja semakin berkurangan dan golongan tua semakin meningkat, Kerajaan dijangka memperuntukkan lebih banyak sumber terutamanya ke arah program berkaitan pencen, kesihatan dan tempat tinggal. Justeru, tidak dinafikan bahawa penduduk menua akan memberi implikasi kepada perbelanjaan kerajaan terutamanya bagi menyokong pelbagai program sosial dan kemudahan lain yang berkaitan.


⁶ Warga emas merujuk kepada mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas.

Perbelanjaan Pecen

Negara maju seperti Norway dan Jepun mempunyai program tabungan yang baik terutamanya melalui dana pecen dan simpanan sedia ada untuk menghadapi jangkaan OADR yang tinggi. Malaysia juga mencontohi amalan terbaik di negara maju tersebut dengan menyediakan dana untuk pesara. Pada 2021, perbelanjaan penggunaan akhir Kerajaan untuk perlindungan sosial yang diberikan kepada warga emas meningkat kepada RM2.4 bilion daripada RM2.3 bilion pada 2020 dan RM1.4 bilion pada 2015. Selaras dengan jangkaan peningkatan dalam OADR, perbelanjaan pecen awam juga diunjurkan terus meningkat.

Pada 2021, Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM28 bilion untuk perbelanjaan pecen melibatkan lebih kurang 887,000 pesara awam dengan RM7.9 bilion atau 28.3% mewakili bayaran bagi individu berumur 65 tahun ke atas seperti dalam Rajah 1.1.4. Kerajaan perlu menanggung komitmen fiskal yang lebih tinggi bagi mengekalkan dasar yang menyokong kumpulan umur ini untuk 10 tahun akan datang memandangkan jangka hayat di Malaysia diunjur mencecah 75 tahun (DOSM, 2021). Jumlah bayaran pecen dianggar sebanyak RM22.3 bilion pada 2030 iaitu hampir tiga kali ganda daripada komitmen pecen semasa dengan andaian perbelanjaan pecen bagi pesara yang berumur 65 tahun akan terus meningkat pada kadar purata tahunan 12.1%⁷. Komitmen yang lebih tinggi ini adalah selari dengan saiz penduduk tua dan jangka hayat yang panjang.

RAJAH 1.1.4. *Bilangan Pesara Awam, 2013 – 2030*



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan Malaysia

⁷ Perbelanjaan pecen sebanyak RM7.9 bilion adalah berdasarkan analisis CAGR dari 2013 hingga 2021.

Perbelanjaan Penjagaan Kesihatan

Penjagaan kesihatan menjadi lebih penting kepada warga emas kerana kebiasaannya golongan umur ini menghadapi masalah kesihatan atau berpenyakit. Penyakit tidak berjangkit yang paling biasa dikaitkan dengan warga emas adalah demensia, diabetes serta tekanan darah dan tahap kolesterol tinggi.⁸ Statistik menunjukkan bahawa bilangan penghidap penyakit ini semakin meningkat seiring dengan peningkatan umur penduduk seperti dalam Jadual 1.1.1. Berdasarkan Yayasan Penyakit Alzheimer Malaysia, bilangan penduduk yang mengalami demensia peringkat akhir dan bergantung kepada penjagaan 24 jam dianggarkan antara 204,000 hingga 264,000 pada 2020. Jumlah ini diunjur meningkat tiga kali ganda kepada 637,500 hingga 825,000 menjelang 2050. Ini akan meningkatkan keperluan penjagaan kesihatan untuk warga emas dan seterusnya memberi tekanan kepada perbelanjaan kesihatan awam.

JADUAL 1.1.1. Peningkatan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD), 2019

CIRI-CIRI SOSIODEMOGRAFI	PENINGKATAN GLUKOS DALAM DARAH SECARA KESELURUHAN DI KALANGAN ORANG DEWASA BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS			PENINGKATAN TEKANAN DARAH SECARA KESELURUHAN DI KALANGAN ORANG DEWASA BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS			PENINGKATAN KOLESTEROL DALAM DARAH SECARA KESELURUHAN DI KALANGAN ORANG DEWASA BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS		
	BILANGAN	ANGGARAN PENDUDUK	PENINGKATAN (%)	BILANGAN	ANGGARAN PENDUDUK	PENINGKATAN (%)	BILANGAN	ANGGARAN PENDUDUK	PENINGKATAN (%)
Kumpulan Umur									
18 - 19	24	38,232	4.3	18	60,095	6.8*	43	121,415	13.6
20 - 24	50	155,085	5.4	71	162,822	5.7	179	485,017	16.9
25 - 29	71	203,573	6.8	98	304,754	10.2	227	658,806	22.0
30 - 34	132	300,307	11.3	163	426,074	16.0	308	742,225	27.9
35 - 39	161	288,418	12.2	230	523,693	22.1	373	796,221	33.6
40 - 44	186	316,161	17.3	265	525,172	28.7	391	804,458	43.9
45 - 49	248	410,130	24.7	383	677,854	40.8	489	829,036	49.9
50 - 54	330	467,184	30.4	473	717,053	46.7	592	921,120	60.0
55 - 59	35	418,253	31.3	560	741,478	55.5	633	842,962	63.0
60 - 64	359	468,937	42.4	567	725,754	65.6	544	694,474	62.8
65 - 69	289	349,022	43.4	455	558,702	69.5	433	495,042	61.6
70 - 74	204	223,736	40.6	360	422,048	76.7	301	348,726	63.4
75 & ke atas	210	252,927	38.4	413	537,366	81.7	296	357,669	54.4

*Peningkatan dengan Ralat Piawai tinggi, ditafsirkan dengan berhati-hati


Sumber: Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019, Kementerian Kesihatan Malaysia

Perbelanjaan Bantuan Warga Emas

Kerajaan komited memberi sokongan kepada warga emas melalui penyediaan kemudahan dan bantuan kewangan. Kerajaan telah menyediakan pusat penjagaan yang selesa berdasarkan peningkatan keperluan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kepada warga emas. Bilangan pusat jagaan berdaftar telah meningkat sejak lima tahun lalu yang memberi gambaran perbelanjaan yang lebih tinggi untuk penyediaan kemudahan, kakitangan dan penyenggaraan. Berdasarkan statistik yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.5, bilangan pusat jagaan berdaftar telah meningkat daripada 309 pada 2017 kepada 384 pada 2021.

⁸ Non-communicable-diseases, health and care (<https://www.helpage.org>).


RAJAH 1.1.5. Bilangan Pusat Jagaan Warga Emas Berdaftar, 2017 – 2021



Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia

Selain itu, Kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan sebanyak RM500 sebulan kepada warga emas yang layak di bawah program Bantuan Warga Emas (BWE). Program ini merupakan antara inisiatif di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menyasarkan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM1,169 sebulan. Pada 2021, sejumlah RM823.8 juta telah diagihkan kepada 139,400 penerima. Berdasarkan peningkatan bilangan bakal penerima pada kadar pertumbuhan purata 6.3% setiap tahun, perbelanjaan pada 2030 dianggarkan berjumlah RM1.4 bilion seperti dalam Rajah 1.1.6.

RAJAH 1.1.6. Bantuan Warga Emas, 2010 – 2030




Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kewangan Malaysia

Kerajaan turut menyediakan bantuan kewangan untuk rawatan kesihatan, perubatan dan peralatan. Melalui program Tabung Bantuan Perubatan, warganegara Malaysia yang layak termasuk warga emas yang kurang bernasib baik boleh mendapatkan bantuan tunai sama ada sebahagian atau sepenuhnya untuk menampung kos rawatan pesakit luar, peralatan perubatan dan pemulihan serta ubat-ubatan.

Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan bantuan tunai melalui Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) seperti yang diumumkan dalam Bajet 2022. Bantuan ini melibatkan peruntukan RM7.8 bilion yang memanfaatkan lebih kurang 8.6 juta penerima merangkumi 1.8 juta penerima berumur 65 tahun dan ke atas berjumlah RM1.7 bilion. Peningkatan bilangan penduduk yang semakin menua memerlukan Kerajaan menyediakan anggaran peruntukan sebanyak RM1.8 bilion pada 2030 bagi membiayai program ini seperti dalam Rajah 1.1.7.

Di samping itu, Kerajaan menyediakan insentif seperti pelepasan cukai untuk melakukan vaksinasi yang dibiayai sendiri dan pemeriksaan perubatan penuh termasuk kesihatan mental. Warga emas juga layak mendapat diskaun apabila menerima rawatan di pusat jagaan kesihatan swasta.

RAJAH 1.1.7. Bantuan Keluarga Malaysia bagi Penerima Berumur 65 dan ke Atas, 2018 – 2030



Simpanan untuk Usia Emas

Warga emas perlu mempunyai simpanan dan jaminan kewangan yang mencukupi dalam tempoh persaraan. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) turut menyuarakan kebimbangan mengenai simpanan yang tidak mencukupi untuk persaraan yang boleh merisikokan ahlinya untuk terjerumus ke dalam kemiskinan pada usia tua dan mencadangkan liputan perlindungan sosial untuk warga emas. Seperti dalam Jadual 1.1.2, pencarum aktif di bawah KWSP yang berumur 54 tahun dianggap mempunyai purata simpanan berjumlah RM246,635 pada 2021. Pengiraan mudah, berdasarkan jumlah simpanan tersebut dan jangka hayat sehingga 75 tahun, anggaran pengeluaran bulanan oleh pencarum KWSP ialah kurang daripada RM1,000. Kadar pengeluaran ini jelas lebih rendah berbanding gaji minimum dan meletakkan individu tersebut dalam kumpulan B40. Oleh itu, Kerajaan perlu meningkatkan perbelanjaan bagi memenuhi keperluan masyarakat yang semakin meningkat usia dan isi rumah daripada kumpulan ini yang semakin bertambah.

JADUAL 1.1.2. Purata Simpanan Pencarum KWSP pada Umur 54 Tahun, 2019 – 2021

TAHUN	PENCARUM AKTIF	
	BILANGAN PENCARUM AKTIF BERUMUR 54 TAHUN	PURATA SIMPANAN (RM)
2019	94,871	227,861
2020	97,458	241,942
2021	98,194	246,635

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Melangkah ke Hadapan

Kerajaan akan terus mempertingkatkan ekosistem warga emas dengan mengambil kira Malaysia yang akan menjadi negara menua. Masyarakat dan keluarga juga perlu memainkan peranan dalam memastikan kebajikan warga emas tidak diabaikan. Di bawah Rancangan Malaysia Keduabelas, Kerajaan akan membina lebih banyak pusat jagaan warga emas serta menaik taraf bandar supaya menjadi lebih mesra warga emas pada masa hadapan. Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional akan ditambah baik dan liputannya akan diperluas.

Di samping itu, Kerajaan akan menggalakkan warga emas mengekalkan gaya hidup aktif dan sihat. Langkah ini akan membolehkan warga emas terus produktif dan memperoleh pendapatan sendiri di samping menyumbang kepada ekonomi dan masyarakat melalui kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran. Walau bagaimanapun, kesedaran untuk mengekalkan gaya hidup sihat dan aktif perlu bermula dari usia muda. Program celik kewangan juga harus bermula dari usia muda untuk memberi pendidikan tentang pengurusan kewangan yang baik terutamanya mengenai pelaburan, simpanan dan perbelanjaan.

Kesimpulan

Usaha mendepani penduduk yang semakin menua di Malaysia akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan dari aspek penyediaan pencen, penjagaan kesihatan dan bantuan lain sebagai tanggungjawab kepada warga emas. Kerajaan akan menyokong melalui langkah yang bersesuaian untuk melindungi kesejahteraan, memperkasa dan meningkatkan kualiti hidup warga emas.

Subsidi

Kerajaan telah memperuntukkan jumlah yang besar dalam menyediakan subsidi dan bantuan sosial bagi meringankan beban kewangan pelbagai segmen masyarakat. Walau bagaimanapun, golongan berpendapatan tinggi turut menikmati manfaat subsidi bagi barangan tertentu seperti petroleum, minyak masak dan tepung yang diberikan secara menyeluruh. Pendekatan yang tidak mampan ini telah menyebabkan ketirisan dan penyalahgunaan barangan bersubsidi. Penyaluran subsidi yang tidak efisien secara berterusan akan menjejaskan kemampanan fiskal dalam jangka masa panjang.

Upah

Selama hampir satu dekad, ekonomi berjaya mencatat pertumbuhan gaji purata yang menggalakkan sebanyak 6% – 7% antara 2010 dan 2019¹. Walaupun dengan pertumbuhan ini, paras gaji purata² kekal rendah pada RM3,224 pada 2019 berbanding RM1,936 pada 2010 atau kenaikan purata sekitar RM140 setahun. Keadaan ini bertambah buruk semasa pandemik dengan lebih banyak insiden pemotongan gaji, pemberhentian pekerja dan penutupan operasi perniagaan yang kemudiannya membawa kepada prospek pendapatan yang lebih rendah. Walaupun semakin semula gaji minimum RM1,500 sebulan dilaksanakan bermula 1 Mei 2022, purata gaji dan upah di Malaysia adalah masih rendah. Memandangkan dua pertiga daripada pendapatan isi rumah diperoleh daripada pasaran buruh, struktur pasaran bergaji rendah mungkin tidak membantu sesetengah segmen isi rumah terutama golongan B40 untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.

RENCANA 1.2

Keperluan untuk Bebas daripada Belenggu Gaji Rendah

Dengan kerjasama EIS-UPMCS Centre for Future Labour Market Studies (EU-ERA)

Andaian umum bahawa kenaikan gaji boleh menyebabkan herotan pasaran dan menjejaskan prestasi ekonomi hanya merupakan satu stigma yang masih membelenggu ekonomi Malaysia. Andaian ini dipegang kukuh oleh kebanyakan majikan disebabkan oleh kurangnya fakta berasaskan bukti dan penilaian saintifik. Rencana ini menyediakan pendedahan mengenai faedah yang boleh diperoleh majikan, pekerja dan keseluruhan ekonomi apabila kadar gaji dinaikkan lebih tinggi daripada kadar semasa. Rencana ini juga membincangkan mengenai pelbagai aspek gaji yang tidak hanya tertumpu kepada gaji purata tetapi juga meliputi gaji minimum dan gaji sara hidup. Pada penghujung analisis ini, cadangan mengenai pendekatan yang boleh digunakan untuk meningkatkan gaji tanpa menjejaskan daya saing ekonomi turut disediakan.

¹ Pertumbuhan gaji bagi 2020 dan 2021 mungkin tidak menggambarkan agihan biasa kerana tahun-tahun ini terjejas akibat pandemik COVID-19.

² Merujuk kepada warganegara Malaysia sahaja.

Gaji Rendah Mengehadkan Peluang Ekonomi

Pampasan buruh atau peratusan upah sentiasa didebatkan sebagai ukuran bagaimana "faedah pertumbuhan" diagihkan secara adil antara pekerja dengan pemilik modal. Tahap dan pertumbuhan gaji yang memuaskan mewakili konsep keadilan ekonomi atau kesaksamaan kepada isi rumah memandangkan hampir dua per tiga pendapatan isi rumah diperoleh daripada pasaran buruh. Situasi ini menunjukkan bahawa pendapatan daripada upah adalah tidak menentu dan boleh berubah terutamanya jika seseorang kehilangan pekerjaan. Keadaan ini berbeza dengan pemilikan harta yang mempunyai jaminan lebih kukuh dalam memastikan pendapatan diterima secara berterusan daripada sewaan dan pelbagai bentuk modal lain.


Dari perspektif akaun negara, jumlah pendapatan dikongsi antara pekerja, pemilik modal dan kerajaan. Pendapatan yang diterima oleh buruh secara asasnya diukur melalui pampasan pekerja (PP) atau juga dikenali sebagai pampasan buruh. Manakala pendapatan kepada pemilik modal lazimnya dikira melalui lebihan kendalian. Dalam konteks Malaysia, bahagian PP kepada KDNK agak rendah walaupun telah meningkat daripada 31.7% pada 2010 kepada 35.9% pada 2019 seperti dalam Rajah 1.2.1 Panel A¹. Peratusan ini jauh lebih rendah berbanding negara lain seperti Jerman (53.4%), United Kingdom (48.7%), Republik Korea (47.5%), Australia (47.2%) dan Singapura (39.9%) pada 2019.

Agihan pertumbuhan KDNK kepada PP dan lebihan kendalian kasar (LKK) adalah berbeza. Walaupun komponen PP dan LKK mempunyai korelasi positif dengan KDNK namun LKK mempunyai korelasi lebih kuat yang menggambarkan agihan pertumbuhan KDNK memberi lebih banyak manfaat kepada pemilik modal berbanding pekerja (Rajah 1.2.1 Panel B). Sebagai contoh, peningkatan 1% dalam pertumbuhan KDNK menyumbang 1.05% kepada pertumbuhan LKK berbanding 0.63% kepada PP. Analisis ini mengesahkan bahawa faedah pertumbuhan ekonomi lebih banyak dinikmati oleh pemilik modal.


¹ Bahagian PP daripada KDNK bagi 2020 dan 2021 mungkin tidak menggambarkan keadaan semasa memandangkan tempoh tersebut telah terkesan oleh pandemik COVID-19.

RAJAH 1.2.1. Trend dan Korelasi Pampasan Pekerja dan Lebih Kendalian Kasar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar, Malaysia

Panel A: Bahagian pampasan pekerja dan lebih kendalian kasar kepada KDNK*



Panel B: Hubungan kait antara pertumbuhan dalam pampasan pekerja dan lebih kendalian kasar dengan KDNK**



Nota:


(*) Jumlah bahagian mungkin tidak sama dengan 100% kerana tidak termasuk cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import

(**) Semua model dalam kajian dianggar menggunakan OLS dengan ralat piawai yang tinggi dibetulkan berpandukan Newey dan West (1987) yang menyingkirkan autokorelasi dan heteroskedastisiti

Sumber: Jabatan Perangkaan dan EIS-UPMCS Centre for Future Labour Market Studies Malaysia

Pampasan buruh yang lebih tinggi merupakan antara jawapan kepada beberapa isu struktural di Malaysia seperti kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang rendah, ketidaksamaan dalam agihan pendapatan serta kadar inovasi dan penggunaan teknologi yang perlahan. Penemuan analisis pelbagai negara seperti dalam Rajah 1.2.2 jelas menunjukkan bahawa kadar pampasan buruh yang tinggi boleh meningkatkan KPTB, mengurangkan ketidaksamaan pendapatan, melonjakkan inovasi teknologi dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Sekiranya kadar dan pertumbuhan pampasan buruh masih rendah, situasi ini berkemungkinan boleh menghalang peluang Malaysia untuk memaksimumkan potensi sebenar ekonomi.

RAJAH 1.2.2. Hubungan Kait antara Pampasan Pekerja dengan Penunjuk Makroekonomi Terpilih Merentas Pelbagai Negara, 2019



Nota: Ketidaksamaan pendapatan diwakili oleh indeks Gini, inovasi didefinisikan sebagai perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (% daripada KDNK) dan KDNK benar dinyatakan dalam USD bilion

Sumber: Development Indicator, Penn World Table dan EIS-UPMCS Centre for Future Labour Market Studies Malaysia

Kos buruh lebih tinggi yang ditanggung oleh industri serta kecenderungan menaikkan harga merupakan alasan yang biasa digunakan untuk menghadkan kenaikan gaji. Keadaan ini boleh menyebabkan majikan mengurangkan pengambilan pekerja atau memberhentikan pekerja. Walau bagaimanapun, bukti empirikal menunjukkan alasan tersebut mungkin tidak tepat. Penjelasan ringkas mengenai faedah gaji minimum dalam meningkatkan permintaan guna tenaga dan produktiviti diterangkan dalam Kotak 1. Industri tidak sewajarnya menaikkan harga produk apabila produktiviti bertambah baik selari dengan kenaikan gaji minimum.

KOTAK 1: Menyangkal Dakwaan Kenaikan Gaji Sebagai Penyebab Kehilangan Pekerjaan

Peningkatan gaji minimum kebiasaannya menggambarkan kos yang lebih tinggi kepada majikan dan menyebabkan majikan menggaji kurang pekerja atau memberhentikan pekerja untuk mengekalkan operasi perniagaan. Kebimbangan ini selari dengan teori ekonomi tradisional mengenai penawaran dan permintaan buruh iaitu harga (gaji) yang lebih tinggi menyebabkan kurang permintaan untuk pekerja. Situasi ini memberi gambaran bahawa kenaikan gaji minimum boleh menyebabkan peningkatan pengangguran.

Kajian empirikal oleh Card dan Krueger (1994) telah mencabar teori tersebut. Sekumpulan profesor ekonomi dari Universiti Princeton telah menjalankan soal selidik dalam kalangan majikan dan pekerja mengenai kadar gaji minimum di restoran makanan segera di dua negeri iaitu New Jersey dan Pennsylvania. Badan perundangan di New Jersey telah menetapkan supaya gaji minimum dinaikkan 18.8% daripada USD4.25 kepada USD5.05 manakala gaji minimum di Pennsylvania tidak berubah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada pengurangan guna tenaga dilaporkan sebaliknya berlaku pertambahan guna tenaga sebanyak 13% di New Jersey selepas peningkatan gaji minimum. Justeru, peningkatan kadar gaji minimum telah memberikan kesan positif kepada guna tenaga. Kajian lain juga menunjukkan bahawa kenaikan gaji minimum boleh digunakan sebagai strategi untuk membasmi kemiskinan dan menambah baik kesaksamaan seterusnya boleh mengurangkan perbezaan gaji antara jantina serta meningkatkan produktiviti buruh.

Sumber dan Pelaras untuk Gaji Rendah


Hampir dua per tiga pendapatan isi rumah diperoleh daripada pasaran buruh. Buruh merupakan pemboleh ubah dari sudut penawaran yang ditentukan oleh kadar dan komposisi pemboleh ubah dari sudut permintaan seperti perbelanjaan eksport dan pelaburan. Sebagai contoh, setiap negara kebiasaannya mengalami peningkatan dalam permintaan pekerja berkemahiran rendah apabila negara tersebut memberikan tumpuan kepada pengeluaran produk eksport yang bernilai tambah rendah. Oleh yang demikian, penggubal dasar perlu menggabungkan sudut permintaan dan sudut penawaran ekonomi dalam perancangan pasaran buruh untuk menambah baik keadaan tersebut ke arah ekonomi bernilai tinggi.

Sudut permintaan ekonomi turut mempengaruhi pampasan buruh seperti dijelaskan dalam Rajah 1.2.3. Panel A menerangkan mengenai pecahan sumbangan KDNK terhadap pampasan buruh mengikut komponen perbelanjaan. Penggunaan swasta dan eksport menyumbang sekitar satu per tiga kepada penajaan pampasan pekerja manakala selebihnya kepada lebihan kendalian kasar. Perbelanjaan pelaburan menunjukkan agihan yang seimbang antara pampasan pekerja dengan lebihan kendalian kasar manakala komponen penggunaan awam menyumbang agihan yang paling saksama iaitu 81.3% kepada pampasan pekerja. Hakikatnya, pengganda pampasan menunjukkan bahawa setiap ringgit yang dibelanjakan dalam penggunaan awam menjana RM0.60 kepada pampasan pekerja iaitu kesan pengganda tertinggi berbanding komponen permintaan akhir lain.

Perlu diketahui juga bahawa agihan permintaan akhir kepada pampasan buruh dipengaruhi oleh struktur pekerjaan seperti dalam Panel B dengan jumlah pekerjaan diasingkan mengikut komponen perbelanjaan KDNK. Daripada jumlah pekerjaan yang dijana melalui penggunaan swasta, pelaburan dan eksport, kurang daripada satu per empat adalah untuk pekerja mahir. Hanya komponen penggunaan awam merupakan penyumbang terbesar kepada penghasilan pekerjaan mahir iaitu 47% daripada jumlah pekerjaan. Walau bagaimanapun, saiz penggunaan awam adalah kecil dengan sumbangan hanya 10% kepada jumlah permintaan akhir. Secara keseluruhannya, senario gaji yang lebih rendah merupakan kesan daripada penumpuan yang besar terhadap pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah.

Sejak beberapa dekad, peningkatan kapasiti pewujudan pekerjaan didorong oleh pertambahan penggunaan buruh dalam pengeluaran output. Sebagai contoh, situasi ini dapat dibuktikan melalui magnitud keanjalan guna tenaga-kepada-KDNK yang meningkat daripada 0.52 dalam tempoh 1991 - 2005 kepada 0.67 semasa 2006 - 2020 seperti dalam Panel C. Magnitud keanjalan yang lebih tinggi (lebih rendah) memerlukan bilangan pekerja yang lebih ramai (kurang) dalam fasa pengeluaran. Peningkatan dalam penggunaan buruh dipengaruhi oleh pertambahan dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Dalam tempoh 30 tahun lalu, ekonomi secara purata telah menjana lebih banyak pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah iaitu sebanyak 61% berbanding 39% untuk pekerja mahir.


RAJAH 1.2.3. Sumber Pampasan Buruh dan Penjanaan Pekerjaan



Nota: Anggaran menggunakan analisis penguraian struktur input-output
Sumber: Jabatan Perangkaan dan EIS-UPMCS Centre for Future Labour Market Studies Malaysia

Penilaian empirikal menunjukkan bahawa kewujudan pekerjaan bergaji rendah adalah kesan daripada ekonomi yang berintensif buruh. Walau bagaimanapun, struktur ekonomi negara yang secara asasnya adalah berintensif buruh tidak sewajarnya menghalang perkongsian kekayaan yang lebih adil antara majikan dengan pekerja. Justeru, peranan pelaras dasar penting bagi mengimbangi bahagian KDNK antara pemilik modal dengan pekerja seperti dalam Rajah 1.2.4. Dalam konteks ini, pendekatan pragmatik yang boleh diambil ialah melaksanakan inisiatif khusus yang dapat memberikan faedah kepada pekerja tanpa menjejaskan daya saing industri. Sebagai contoh, pengenalan Sijil Perakuan *e-Shared Prosperity Organisation* (eSPO)² oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) merupakan satu inisiatif berkesan bagi mengamalkan penciptaan dan perkongsian kekayaan secara bersama antara majikan dengan pekerja.

RAJAH 1.2.4. Peranan Pelaras Dasar dalam Mengimbangi Agihan yang Tidak Saksama



Nota: Angka merujuk kepada data 2021
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Gaji yang Lebih Tinggi akan Membantu, Bukan Menjejaskan Ekonomi


Keperluan untuk meningkatkan gaji pascapandemik COVID-19 telah menjadi isu yang sering diperkatakan di kebanyakan negara termasuk Malaysia. Dari perspektif pekerja, kenaikan gaji perlu untuk mengimbangi peningkatan harga barangan dan perkhidmatan. Namun, majikan secara amnya mendakwa bahawa kenaikan gaji boleh menyebabkan peningkatan harga dan seterusnya herotan pasaran yang boleh menimbulkan ancaman kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, kajian di pelbagai negara menunjukkan bahawa kenaikan gaji akan menjana lebih banyak pendapatan kepada perniagaan (Lupu et al., 2022). Bahagian ini akan menerangkan impak kenaikan gaji kepada ekonomi Malaysia.

Impak ke atas Ekonomi berikutan Gaji Lebih Tinggi

Ekonomi berfungsi sebagai sistem interaksi antara perbelanjaan dengan aliran pendapatan seperti dalam Rajah 1.2.5. Isi rumah menyediakan input buruh kepada sektor ekonomi dan menerima upah sebagai pampasan. Semakin banyak gaji diperoleh semakin tinggi perbelanjaan ke atas barangan

² *e-Shared Prosperity Organisation* (eSPO) ialah sistem dalam talian yang mengeluarkan sijil perakuan elektronik kepada organisasi yang berjaya melaksanakan Sistem Upah Berkaitan Produktiviti (PLWS). Sehingga kini, sejumlah 22,331 sijil eSPO telah dikeluarkan kepada PMKS dan firma besar.

RAJAH 1.2.5. Kesan Ekonomi daripada Gaji Lebih Tinggi



dan perkhidmatan yang seterusnya menjana keuntungan tambahan kepada sektor perniagaan. Sebagai contoh, simulasi kenaikan 3% hingga 5% daripada gaji semasa bagi pekerja separuh mahir dan berkemahiran rendah akan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK dan produktiviti buruh yang lebih tinggi. Sementara itu, analisis lain menggunakan indeks Gini menunjukkan bahawa gaji yang lebih tinggi akan mengurangkan ketidaksamaan pendapatan seperti yang dibuktikan oleh Sotomayor (2021).


Gaji Lebih Tinggi Menarik Penyertaan Lebih Ramai Wanita dalam Pasaran Buruh

Buruh merupakan input penting dalam proses pengeluaran. Pertambahan dalam input buruh akan meningkatkan pengeluaran dan sebaliknya. Sekiranya berlaku kekurangan buruh, gaji yang lebih tinggi cenderung untuk menarik penyertaan lebih ramai wanita dari luar tenaga buruh ke dalam pasaran buruh. Penilaian empirikal seperti dalam Rajah 1.2.6(a) menunjukkan bahawa kenaikan 1% dalam pampasan pekerja akan meningkatkan KPTB wanita sebanyak 1.2%. Dapatan ini membuktikan bahawa pendekatan dasar untuk menaikkan gaji memainkan peranan penting bagi mencapai sasaran KPTB wanita daripada 55.3% pada 2020 kepada 57% pada 2025 seperti ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025.

Gaji Lebih Tinggi Menggalakkan Penggunaan Teknologi

Penggunaan teknologi dalam proses pengeluaran merupakan antara kaedah untuk meningkatkan output dengan mengoptimalkan input pengeluaran seperti buruh dan tenaga (Maneejuk dan Yamaka, 2020). Kenaikan gaji bagi industri berintensif buruh akan menyebabkan kos buruh lebih mahal dan mendorong industri untuk meningkatkan adaptasi penggunaan teknologi. Penemuan empirikal seperti dalam Rajah 1.2.6(b) menunjukkan bahawa 1% kenaikan dalam pampasan pekerja akan meningkatkan penggunaan teknologi sebanyak 3.7%. Dalam masa yang sama, penerimgunaan teknologi juga telah dikenal pasti dapat menggalakkan permintaan terhadap pekerja mahir yang seterusnya membantu kenaikan gaji. Oleh itu, firma perlu berkongsi kekayaan dengan menaikkan gaji supaya setimpal dengan kemahiran yang lebih tinggi.

RAJAH 1.2.6. Kesan Gaji Lebih Tinggi ke atas Penunjuk Makroekonomi Terpilih, Malaysia



Nota: Indeks teknologi merujuk kepada perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan kepada KDNK. Pengiraan anggaran ekonomi bayangan menggunakan kaedah *computable general equilibrium* (Elgin et al., 2021)

Sumber: World Development Indicator, Jabatan Perangkaan dan EIS-UPMCS Centre for Future Labour Market Studies Malaysia

Gaji Lebih Tinggi Meningkatkan Kecekapan Ekonomi melalui Pengurangan Saiz Ekonomi Bayangan

Ekonomi bayangan melibatkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang sah berasaskan permintaan pasaran tetapi sengaja disembunyikan daripada pihak berkuasa untuk mengelak daripada pembayaran cukai, caruman keselamatan sosial, pematuhan terhadap standard pasaran buruh dan keperluan pentadbiran (Schneider, 2011). Saiz ekonomi bayangan di Malaysia bagi tempoh 2010 – 2019 dianggarkan sekitar 21.2% daripada KDNK (Tinjauan Ekonomi, 2021). Ekonomi bayangan menyebabkan ketidakcekapan ekonomi kerana mungkin boleh mengurangkan hasil cukai kerajaan, mewujudkan pasaran buruh informal dan melemahkan pertumbuhan ekonomi.

Ekonomi bayangan berkait rapat dengan pasaran buruh bayangan. Sebarang aktiviti buruh yang dilakukan sebagai sebahagian daripada ekonomi bayangan dianggap terlibat dalam pasaran buruh bayangan atau pasaran buruh informal. Individu mungkin tidak terlibat dalam pasaran buruh formal kerana kurang peluang penyertaan atau memilih untuk keluar secara sukarela dari sektor formal disebabkan oleh faedah kewangan dan bukan kewangan yang diterima dalam sektor informal.

Sehubungan ini, kenaikan gaji dalam sektor formal dapat menggalakkan individu untuk beralih daripada ekonomi bayangan kepada sektor formal (Hohberg dan Lay, 2015). Penilaian empirikal seperti dalam Rajah 1.2.6(c) menunjukkan bahawa saiz ekonomi bayangan akan berkurang 0.5% bagi setiap 1% kenaikan dalam pampasan pekerja. Justeru, upah dianggap sebagai alat intervensi dasar secara tidak langsung untuk meningkatkan pemformalan ekonomi selain daripada intervensi secara langsung dalam bentuk peraturan dan penguatkuasaan.

Gaji Lebih Tinggi Menggalakkan Pertumbuhan Produktiviti Buruh

Pertumbuhan produktiviti merupakan penentu utama untuk pertumbuhan jangka masa panjang ekonomi dan gaji yang lebih tinggi. Sekiranya majikan sanggup berkongsi kekayaan dengan menaikkan gaji maka pekerja juga akan terus meningkatkan usaha sebagai tindak balas kepada gaji yang lebih tinggi. Situasi ini selari dengan teori “kecekapan upah” (Riley dan Bondibene, 2017; Georgiadis, 2013). Oleh yang demikian, pekerja mungkin akan lebih bermotivasi untuk bekerja dengan gaji lebih tinggi yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti. Analisis dalam Rajah 1.2.6(d) mengesahkan andaian tersebut yang menunjukkan produktiviti berkembang sebanyak 2.2% bagi setiap peratus kenaikan gaji.

Gaji Lebih Tinggi Mengurangkan Kebergantungan kepada Buruh Asing Berkemahiran Rendah

Menurut Kementerian Dalam Negeri, bilangan pekerja asing berkemahiran rendah di Malaysia pada 2021 ialah sekitar 8% atau 1.2 juta orang daripada jumlah guna tenaga. Lebih 90% daripada pekerja bukan warganegara Malaysia terlibat dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Kos ekonomi berikutan kebergantungan tinggi kepada pekerja asing berkemahiran rendah di Malaysia dinyatakan dengan jelas dalam sorotan kajian yang menunjukkan bahawa kebergantungan tersebut akan menekan pertumbuhan upah domestik dan menjejaskan produktiviti (Bank Negara Malaysia, 2018b). Analisis empirikal seperti dalam Rajah 1.2.6(e) menunjukkan bahawa saiz pekerja asing berkemahiran rendah boleh dikurangkan sebanyak 2.3% bagi setiap peratus kenaikan pampasan pekerja. Penemuan ini menunjukkan bahawa pelarasan gaji merupakan mekanisme harga berasaskan pasaran yang paling berkesan untuk digunakan sebagai alat dasar bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah.

Gaji Lebih Tinggi Mengurangkan Saiz Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Kemahiran

Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran merujuk kepada situasi pekerja mempunyai kemahiran atau kelayakan lebih tinggi daripada yang diperlukan untuk menjalankan tugas. Secara tidak langsung, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran menggambarkan penggunaan kemahiran secara tidak optimum kerana pekerja berpendidikan tertiar tetapi bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Pada 2021, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat sebanyak 6.3% kepada 1.9 juta pekerja berbanding 1.8 juta pada 2020 (DOSM, 2022b).

Situasi guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran di Malaysia masih ketara dan berpanjangan yang menggambarkan isu struktural yang hampir sama dengan pengangguran (Zakariya, 2014). Sekiranya isu guna tenaga tidak penuh berterusan, potensi sebenar pekerja tidak dapat digunakan secara maksimum. Selain itu, pekerja dengan kemahiran yang lebih tinggi tetapi bekerja dalam pekerjaan berkemahiran lebih rendah biasanya menerima pampasan buruh atau gaji lebih rendah.

Berdasarkan penilaian empirikal dalam Rajah 1.2.6(f), saiz guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran boleh berkurang sebanyak 2.7% bagi setiap peratus kenaikan dalam pampasan buruh. Dapatan ini menunjukkan bahawa intervensi dasar untuk menaikkan gaji boleh meningkatkan penerimgunaan automasi dan teknologi yang seterusnya menggalakkan permintaan bagi pekerjaan berkemahiran tinggi dalam ekonomi. Pertambahan permintaan ini dapat mengurangkan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran (Lee dan Wie, 2015).


Gaji Ideal untuk Menyokong Standard Kehidupan

Tahap gaji ideal yang mencukupi bagi menampung keperluan taraf hidup yang tinggi penting untuk memastikan ekonomi sentiasa disokong oleh perbelanjaan penggunaan (Jung et al., 2020). Perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi (rendah) menunjukkan taraf hidup yang lebih baik (rendah) seterusnya dapat menggalakkan (menghalang) pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang.

Adakah Gaji Semasa Mencukupi untuk Mengimbangi Peningkatan Kos Sara Hidup?

Memiliki pendapatan boleh guna yang mencukupi penting bagi isi rumah untuk kestabilan kewangan. Jurang antara pendapatan dengan perbelanjaan menunjukkan kecukupan sumber kewangan untuk menampung perbelanjaan isi rumah dan sekuriti kewangan. Rajah 1.2.7 menunjukkan bahawa 51.2% isi rumah menerima kurang daripada RM6,000 sebulan dengan 79.7% daripadanya mengalami ketidakseimbangan kewangan kerana bahagian perbelanjaan lebih besar berbanding pendapatan. Jurang pendapatan-perbelanjaan adalah lebih ketara bagi kumpulan isi rumah berpendapatan RM2,000 – RM3,999. Situasi ini secara umumnya menunjukkan bahawa lebih separuh daripada jumlah isi rumah di Malaysia memerlukan pendapatan yang lebih untuk menampung peningkatan kos sara hidup.

RAJAH 1.2.7. Jurang Pendapatan dan Perbelanjaan Mengikut Kumpulan Pendapatan (%), 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jurang pendapatan dan perbelanjaan pada 2016 dan 2019 secara relatifnya adalah sama iaitu sekitar 28%. Walau bagaimanapun, kenaikan tahunan sebanyak 4.3% bagi purata pendapatan isi rumah kasar tidak dapat menampung perbelanjaan penggunaan dalam tempoh tersebut untuk kumpulan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM6,000 sebulan. Selain itu, walaupun gaji minimum pada 2019 telah meningkat sebanyak RM100 kepada RM1,100, namun kenaikan kecil ini tidak memberikan kesan signifikan kepada pendapatan bersih keseluruhan. Justeru, peralihan kepada definisi gaji minimum yang lebih luas berdasarkan standard gaji sara hidup perlu dipertimbangkan seperti cadangan Adams (2017) dan Schulton dan Müller (2019).

Bersediakah Kita untuk Melaksanakan Gaji Sara Hidup?

Gaji sara hidup berbeza dengan gaji minimum dalam beberapa aspek. Gaji minimum termaktub di bawah perundangan dan meliputi saraan minimum untuk memenuhi keperluan asas manakala gaji sara hidup biasanya lebih tinggi setelah diselaraskan dengan perubahan kos sara hidup dan tidak tertakluk kepada peraturan awam. Konsep “gaji sara hidup” telah diperkenalkan dan dilaksanakan di beberapa negara yang bertujuan untuk menyediakan kehidupan yang memuaskan kepada rakyat melebihi imbuhan sara hidup yang diterima (Schulton dan Müller, 2019). Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tidak seragam dan biasanya diputuskan oleh pihak berkuasa pentadbiran bagi kawasan berkenaan. Jadual 1.2.1 menunjukkan perbezaan kadar gaji sara hidup dan cara pelaksanaannya. United Kingdom menawarkan kadar gaji sara hidup yang berbeza mengikut bandar dan negeri di wilayah masing-masing. Wilayah Ontario di Kanada menetapkan gaji sara hidup bermula daripada CAD16.20 sejam, British Columbia mulai CAD16.33 sejam manakala di wilayah lain berdasarkan kadar masing-masing. Sebaliknya, beberapa negeri di Amerika Syarikat telah meluluskan ordinan perundangan dan mewajibkan penetapan kadar gaji sara hidup kepada majikan.

JADUAL 1.2.1. *Gaji Sara Hidup bagi Negara Penanda Aras Terpilih*

NEGARA	GAJI MINIMUM*	GAJI SARA HIDUP	BEZA	MEKANISME OPERASI
New Zealand	NZD21.20	NZD23.65	12%	Akreditasi majikan.
Kanada – British Colombia	Industri dikawal persekutuan: CAD15.55 Kadar wilayah: CAD15.65	CAD16.33 – CAD21.15	5%	Akreditasi majikan. Gaji sara hidup ditetapkan pada kadar berbeza bagi bandar dan komuniti di seluruh negara.
Canada – Ontario	Industri dikawal persekutuan: CAD15.55 Kadar wilayah: CAD15.00	CAD16.20 – CAD22.08	5%	Akreditasi majikan. Gaji sara hidup ditetapkan pada kadar berbeza bagi bandar dan komuniti di seluruh negara.
UK – London	GBP6.83 – GBP9.50	Gaji sara hidup sebenar: GBP11.05	62%	Akreditasi majikan. Gaji sara hidup nasional di UK wajib bagi pekerja 23 tahun ke atas yang dikira berdasarkan gaji median.
UK – selain London	GBP6.83 – GBP9.50	Gaji sara hidup sebenar: GBP9.90	45%	Akreditasi majikan.
AS – Los Angeles	Gaji minimum persekutuan: USD7.25	USD16.04	121%	Mengikut ordinan perundangan kepada sektor awam dan swasta yang mempunyai kontrak perkhidmatan dengan kerajaan tempatan.









Nota: (*) Tidak termasuk gaji minimum bagi mereka yang berumur di bawah 18 tahun dan perantis

Sumber: Living Wage Foundation, Retail Council of Canada, Ontario Living Wage Network, The Living Wage, Bureau of Contract Administration Los Angeles dan U.S. Department of Labor

Secara umumnya, terdapat dua pendekatan dalam pelaksanaan kadar gaji sara hidup kepada pekerja di negara penanda aras. Negara tersebut melaksanakan strategi secara sukarela untuk menggalakkan majikan menaikkan gaji kepada tahap sara hidup minimum yang boleh diterima. Sebagai contoh, New Zealand, United Kingdom dan Kanada telah mengeluarkan pensijilan akreditasi kepada majikan yang komited memenuhi kadar gaji sara hidup. Sebaliknya, Amerika Syarikat dan beberapa kerajaan tempatan di Republik Korea telah menggubal ordinan perundangan bagi mewajibkan majikan yang mempunyai kontrak perkhidmatan dengan kerajaan untuk mematuhi kadar gaji sara hidup.

Terdapat beberapa pemboleh ubah makroekonomi yang penting iaitu KDNK per kapita, produktiviti buruh, nisbah modal-output dan ketidaksamaan pendapatan yang perlu dipertimbangkan oleh sesebuah negara untuk melaksanakan gaji sara hidup seperti dalam Rajah 1.2.8. Negara terpilih yang menerima pakai gaji sara hidup mempunyai KDNK per kapita tiga kali lebih besar berbanding Malaysia dengan produktiviti buruh lebih tinggi dan pengeluaran output yang lebih cekap melalui automasi. Selain itu, jurang antara kumpulan pendapatan bagi negara tersebut adalah lebih kecil.

RAJAH 1.2.8. Penunjuk Makroekonomi bagi Malaysia dan Negara Terpilih, 2019

	 NEW ZEALAND	 KANADA	 UNITED KINGDOM	 MALAYSIA
 KDNK PER KAPITA	USD 40,599	USD 45,109	USD 47,750	USD 11,414
 PRODUKTIVITI BURUH	USD 82,033	USD 94,398	USD 91,700	USD 58,970
 INDEKS GINI	0.32	0.30	0.37	0.41
 NISBAH MODAL OUTPUT	10.67%	11.85%	10.59%	5.16%

Sumber: World Development Indicators, International Labour Organization, Organisation for Economic Co-operation and Development dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesimpulan

Intervensi mungkin diperlukan dalam situasi pasaran buruh yang kurang efisien tetapi memerlukan kenaikan gaji. Akreditasi boleh diberikan kepada syarikat yang bersetuju untuk membayar gaji lebih tinggi daripada kadar semasa secara sukarela kepada pekerja. Platform sedia ada seperti eSPO juga boleh digunakan dan dilaksanakan pada skala yang lebih besar. Selain itu, kebarangkalian pelaksanaan gaji sara hidup juga boleh dibuat melalui ordinan dan peraturan seperti yang diamalkan oleh negara maju.

Penemuan empirikal telah menunjukkan bahawa terdapat kesan positif sekiranya gaji diselaraskan lebih tinggi daripada kadar semasa. Analisis empirikal jelas membuktikan gaji yang lebih tinggi memainkan peranan dalam menangani isu struktural seperti penyertaan wanita dalam pasaran buruh, penerimgunaan teknologi, ekonomi bayangan dan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran. Analisis juga menekankan bahawa kadar gaji sedia ada tidak inklusif memandangkan terdapat beberapa segmen dalam kalangan kumpulan isi rumah yang tidak dapat menampung kos sara hidup semasa. Perspektif lain menunjukkan bahawa kewujudan gaji minimum dan gaji sara hidup mencerminkan ketidakcekapan tindak balas antara permintaan dan penawaran dalam pasaran buruh. Justeru, kajian yang lebih khusus untuk mengenal pasti kesan daripada pelaksanaan pelbagai aspek gaji perlu dilaksanakan memandangkan Malaysia berhasrat untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi.

Perniagaan

Produktiviti dan Daya Saing

Secara keseluruhan, pertumbuhan perniagaan di Malaysia diwakili oleh 98.5% PMKS dan daripada jumlah tersebut 89.2% beroperasi dalam sektor perkhidmatan. Berikutan kesan buruk pandemik terhadap sektor perkhidmatan, pelbagai bantuan telah disediakan antaranya Geran Prihatin Nasional, subsidi upah dan moratorium bayaran balik pinjaman. Walaupun terdapat bantuan Kerajaan, PMKS mencatat pertumbuhan yang marginal iaitu 1% pada

2021 disebabkan amalan pengurusan yang kurang baik, inovasi dan penerimgunaan digital dan teknologi yang rendah, akses terhadap pembiayaan serta kekurangan pekerja. Sementara itu, tahap produktiviti buruh meningkat pada 1.8% pada 2021 namun masih rendah berbanding sasaran RMKe-12 iaitu 3.6%. Kekurangan pelaburan dalam R&D dan pemindahan teknologi yang terhad daripada syarikat multinasional (MNC) memberi cabaran kepada negara untuk mencapai sasaran peningkatan produktiviti buruh yang ditetapkan.

RENCANA 1.3

Mengutamakan Kecekapan Kerajaan dalam Meningkatkan Daya Saing Malaysia di Peringkat Global

Pengenalan

Malaysia menasarkankan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2025 yang makmur, inklusif dan mampan sebagaimana yang diaspirasikan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Sehubungan itu, keutamaan akan diberi untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi, menangani cabaran sosioekonomi, memastikan pembangunan wilayah yang seimbang serta meningkatkan daya saing agar ekonomi negara lebih berdaya tahan dan mampan.

Malaysia telah melalui pelbagai fasa pembangunan mencatat pertumbuhan ekonomi tahunan yang kukuh dari pertengahan 1980-an sehingga 2010. Berdasarkan laporan Bank Dunia pada 1993, Malaysia telah diiktiraf sebagai antara ekonomi Asia berprestasi tinggi (HPAEs)¹ berikutan prestasi ekonomi yang baik. Namun, Malaysia masih kekal sebagai negara berpendapatan sederhana. Pertumbuhan produktiviti negara adalah lebih perlahan malah ketinggalan di belakang ekonomi membangun Asia seperti Hong Kong, Republik Korea, Singapura dan Taiwan yang mencapai status negara berpendapatan tinggi dalam tempoh tersebut. Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia pada 2021 mencatat USD10,930 iaitu di bawah paras minimum USD12,695 bagi ekonomi berpendapatan tinggi (Bank Dunia, 2021). Sementara itu, pandemik COVID-19 telah mendedahkan kelemahan struktur yang memerlukan Malaysia melaksanakan pembaharuan dan membina semula ekonomi yang lebih kukuh dan mampan.


Rencana ini merupakan usahasama antara Kementerian Kewangan dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dalam menganalisis faktor yang memacu daya saing Malaysia serta usaha Kerajaan untuk menangani cabaran yang menghalang pertumbuhan produktiviti dan daya saing. Selain itu, analisis ini menekankan kepentingan kecekapan Kerajaan dan pembaharuan peraturan bagi memacu Malaysia ke arah daya saing global yang lebih baik.

¹ HPAs merangkumi Hong Kong, Republik Korea, Singapura dan Taiwan (Empat Harimau); Indonesia, Malaysia dan Thailand (tiga daripada ekonomi perindustrian baharu – NIE); dan Jepun.

Kedudukan Malaysia dalam World Competitiveness Index


Malaysia berada pada kedudukan ke-12 dalam World Competitiveness Yearbook (WCY) seperti dilaporkan oleh Institute for Management Development (IMD) pada 2014. Walau bagaimanapun, kedudukan tersebut terus merosot dan turun sebanyak tujuh anak tangga daripada kedudukan ke-25 pada 2021 kepada kedudukan ke-32 pada 2022 seperti dalam Rajah 1.3.1. Oleh itu, Malaysia berisiko kehilangan daya saing berbanding ekonomi berpendapatan tinggi seperti Hong Kong dan Republik Korea yang ditunjukkan dalam Rajah 1.3.2.

RAJAH 1.3.1. Kedudukan Malaysia dalam Daya Saing Dunia



Sumber: The Institute for Management Development (2005-2022)


RAJAH 1.3.2. Korelasi antara Daya Saing dengan PNK per Kapita



Sumber: The Institute for Management Development (2022), Bank Dunia dan Pejabat Statistik Negara terpilih

Berdasarkan empat kategori yang dinyatakan dalam Laporan IMD 2022, kategori kecekapan kerajaan turun daripada kedudukan ke-30 kepada kedudukan ke-38 disebabkan oleh penurunan subkategori perundangan perniagaan. Pada masa yang sama, kategori kecekapan perniagaan jatuh daripada kedudukan ke-24 kepada kedudukan ke-38 disebabkan oleh skor yang rendah dalam subkategori produktiviti dan kecekapan. Sementara itu, kategori infrastruktur merosot daripada tempat ke-32 kepada tempat ke-37 berikutan subkategori kesihatan dan alam sekitar; serta subkategori pendidikan. Malaysia mencatat prestasi kukuh bagi kategori prestasi ekonomi yang meningkat daripada kedudukan ke-15 kepada kedudukan ke-12. Pencapaian ini menunjukkan pemulihan ekonomi yang menggalakkan dan trajektori pertumbuhan positif seperti dalam Rajah 1.3.3.

RAJAH 1.3.3. Prestasi Daya Saing Malaysia



Dalam usaha Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi, isu berkaitan pengagihan semula sumber ekonomi, penciptaan teknologi yang terhad serta isu struktural dalam pasaran buruh seperti jurang kemahiran dan kadar penyertaan tenaga buruh wanita yang rendah perlu ditangani sewajarnya (Mottain, M., 2021). Di samping itu, Bank Dunia menyatakan bahawa cabaran utama dasar ekonomi Malaysia ialah untuk mempercepat pertumbuhan produktiviti yang merupakan faktor utama dalam membina ekonomi yang lebih berdaya saing.² Laporan ini antara lain turut menyatakan bahawa peratus pekerja dalam kategori mahir di Malaysia masih rendah.

Selanjutnya, input MPC dalam Laporan IMD WCY 2022 telah mengenal pasti empat cabaran yang dihadapi oleh Malaysia iaitu:

- memperluas inisiatif pembaharuan kawal selia ke peringkat mikro melalui kerjasama awam-swasta;
- menambah baik penerimgunaan teknologi untuk meningkatkan produktiviti di peringkat firma;
- mempercepat inisiatif pembangunan bakat dalam mendepani cabaran baharu dan pekerjaan baharu muncul serta memupuk tenaga kerja tersedia masa hadapan; dan
- memperkukuh produktiviti dan daya saing melalui perubahan minda dan kreativiti.

Meskipun menghadapi pelbagai cabaran, Malaysia komited untuk meningkatkan prestasi dan mencapai sasaran kedudukan dalam RMKe-12 termasuk menduduki tempat 30 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah dan sembilan teratas dalam kategori Kecekapan Kerajaan oleh IMD WCY (EPU, 2021). Selain itu, Malaysia terus menasasarkan pencapaian 80% perkhidmatan dalam talian Kerajaan dari awal hingga akhir menjelang 2025.


² Aiming High-Navigating the Next Stage of Malaysia's Development (Bank Dunia, 2021).

Produktiviti Malaysia

Produktiviti merupakan asas pertumbuhan ekonomi negara yang mengukur kecekapan melalui perbandingan output dengan input yang digunakan untuk barangan dan perkhidmatan. Produktiviti berkait rapat dengan daya saing iaitu produktiviti yang lebih tinggi, antara lain, akan memberi manfaat kepada negara dari aspek peningkatan pelaburan modal seterusnya menarik pelaburan asing. Produktiviti juga akan menjurus kepada pembangunan kemahiran peribadi yang boleh diterjemahkan kepada upah dan gaji yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan taraf hidup (MPC, 2019). Menyedari kepentingan mengekalkan produktiviti yang lebih tinggi, Rancangan Malaysia Kesebelas telah menyasarkan peningkatan produktiviti buruh daripada RM77,100 bagi setiap pekerja pada 2015 kepada RM92,300 menjelang 2020 (EPU, 2015). Malaysia telah melebihi sasaran lebih awal dengan merekodkan RM94,138 bagi setiap pekerja pada 2019. Walau bagaimanapun, pertumbuhan produktiviti Malaysia menguncup 5.3% kepada RM89,106 bagi setiap pekerja pada 2020 berikutan pandemik COVID-19. Prestasi produktiviti buruh Malaysia pada 2021 mula mendapat semula momentum dengan kembali melonjak 1.8% kepada RM90,697 bagi setiap pekerja.

Rangka Tindakan Produktiviti Malaysia (MPB) diperkenalkan pada 2017 sebagai strategi untuk meningkatkan produktiviti buruh (EPU, 2017). Lima teras strategik digariskan di bawah MPB bagi memastikan perubahan holistik dan sistematik merentasi semua sektor ekonomi seperti dalam Rajah 1.3.4. Di samping itu, peningkatan produktiviti terus diberi penekanan dalam RMKe-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Antara bidang keutamaan RMKe-12 yang telah dikenal pasti adalah merancang pertumbuhan produktiviti yang menjadi hala tuju dalam mengukuhkan asas makroekonomi serta mengembalikan momentum pertumbuhan negara. Sehubungan itu, produktiviti buruh dijangka mencatat pertumbuhan 3.6% setahun dalam tempoh RMKe-12.

RAJAH 1.3.4: *Blueprint Produktiviti Malaysia – Lima Teras Strategik*



Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2017)

Pemacu Daya Saing Malaysia

Teras dan strategi dalam RMKe-12 dan MPB telah menggariskan asas kukuh bagi meningkatkan produktiviti untuk mempercepat momentum pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing global. Matlamat ini boleh dicapai melalui penglibatan dalam aktiviti ekonomi berintensif pengetahuan dan bernilai tambah tinggi yang menyumbang kepada penjaanaan pekerjaan berpendapatan tinggi. Kerajaan telah mengiktiraf kepentingan pembangunan bakat yang berkesan, penerimgunaan teknologi digital yang pesat serta peraturan berkualiti sebagai faktor untuk mempercepat peningkatan produktiviti.

Pembangunan Bakat yang Berkesan

Bakat merupakan aset penting untuk pertumbuhan produktiviti. Berdasarkan IMD World Talent Ranking 2021, negara dengan pertumbuhan produktiviti yang tinggi dapat mencapai kedudukan yang baik dalam penarafan bakat global dan menunjukkan kepentingan sumber manusia kepada prestasi produktiviti. Menyedari kepentingan bakat dalam memacu pertumbuhan mampan, terdapat keperluan untuk negara melaksanakan ekosistem bakat³ yang holistik dan komprehensif. Inisiatif ini penting untuk memastikan bakat tempatan yang mencukupi dalam memacu produktiviti dan pertumbuhan perniagaan berasaskan inovatif.

Bagi mencapai matlamat tersebut, MPC telah bekerjasama dengan pihak berkepentingan berkaitan dalam pembangunan bakat untuk membina tenaga kerja produktif masa hadapan. Usaha ini akan menangani kekurangan pekerja dan menyediakan peluang kepada pelajar berprestasi rendah dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui program khusus seperti Academy in Factory (AiF).

Penerimgunaan Teknologi Digital

Pandemik telah memberi kesedaran tentang keperluan untuk beralih secara pantas kepada teknologi digital yang merupakan aspek penting dalam norma baharu. Penerimgunaan digital menyediakan platform bersesuaian bagi membolehkan semua sektor berhubung dan bekerjasama secara maya untuk meningkatkan produktiviti. Kerajaan komited untuk mempercepat penerimgunaan teknologi melalui penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IR). Majlis ini menyediakan dasar yang jelas dan teratur mengenai digitalisasi dan teknologi untuk meningkatkan keupayaan dalam kemajuan teknologi dan memacu pertumbuhan ekonomi digital.

Inisiatif "Go B.I.G⁴ with Digital" yang memberi tumpuan kepada pemangkin pertumbuhan produktiviti melalui penerimgunaan teknologi telah diperkenalkan oleh MPC pada 2020 bagi menyokong pelan ini. Langkah ini menyokong keperluan transformasi minda dalam kalangan pemimpin untuk menyerlahkan potensi industri. Inisiatif ini menekankan tiga strategi utama iaitu *Nudging Chief Executive Officer (CEO)*⁵, *Advisory Programme*⁶ dan *Experiential Learning*⁷ bagi merancang dan menggalakkan penerimgunaan teknologi digital. Justeru, transformasi digital yang diterajui pada peringkat atasan akan melonjakkan produktiviti dan prestasi.

³ Kesalinghubungan antara bakat dengan persekitaran yang beroperasi seperti sistem pendidikan yang membentuk individu, latihan dan insentif di tempat kerja serta norma dan budaya di tempat tinggal. Ekosistem ini merangkumi keseluruhan infrastruktur, proses dan persekitaran pembangunan bakat yang membolehkan sistem ini melahirkan dan mendidik modal insan yang serba boleh dan kreatif (Baharin, I., & Abdullah, A., 2011).

⁴ B.I.G merujuk kepada Breakthrough results, Integrity and Good values.

⁵ Program perubahan minda dalam kalangan pemimpin perniagaan bagi mentransformasi operasi perniagaan ke arah peningkatan produktiviti melalui digitalisasi.

⁶ Syarikat dipadankan dan sesi bersemuka diatur antara pemimpin industri dengan penasihat atau mentor daripada industri yang bertujuan membantu perniagaan membina semula kapasiti dan keupayaan untuk bangkit semula pascapandemik.

⁷ Program praktikal yang membolehkan peserta mempelajari internet benda (IoT) dan kecerdasan buatan (AI) seterusnya membangunkan Bukti Konsep.

Peraturan Berkualiti

Worldwide Governance Indicators (WGI)⁸ oleh Bank Dunia (2021) menunjukkan kualiti peraturan sebagai persepsi terhadap keupayaan kerajaan untuk menggubal dan melaksanakan dasar dan peraturan yang kukuh bagi membolehkan dan menggalakkan pembangunan sektor swasta. Sementara itu, Organisation for Co-operation and Development (2009) mentakrifkan kualiti peraturan sebagai keupayaan negara untuk menguruskan stok peraturan sedia ada dan aliran peraturan baharu untuk mengekalkan pertumbuhan dan memaksimumkan kebajikan. Kebanyakan negara OECD telah memperkenalkan program pengurangan beban peraturan dengan menggunakan pakai Analisis Impak Peraturan (RIA) sebagai usaha untuk menangani kerenah birokrasi yang semakin meningkat. Kualiti peraturan merupakan antara faktor luaran penting yang dapat meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan dan mewujudkan sokongan ekosistem perniagaan. Dalam memudahkan cara perniagaan, peraturan berkualiti akan membentuk ekosistem perniagaan yang kondusif dan berdaya saing bagi menyediakan sokongan menyeluruh kepada firma dan industri serta ekonomi supaya lebih produktif dan kompetitif.

Prestasi Malaysia dalam kualiti peraturan yang mencatat peningkatan berterusan antara 2011 hingga 2020 telah menggambarkan keberkesanan inisiatif pembaharuan peraturan kawal selia Kerajaan. Walaupun Malaysia mencatat kedudukan skor 74 persentil dalam Petunjuk Kualiti Kawal Selia pada 2020, namun masih terdapat keperluan untuk menambah baik urusan menjalankan perniagaan. Tadbir urus kawal selia yang baik penting dalam menjana keuntungan sektor swasta (Malaysian Institute of Economic Research, 2022). Sementara itu, peraturan yang membebankan boleh menyebabkan kerenah birokrasi yang berlebihan seterusnya mengakibatkan produktiviti yang perlahan (International Business Review, 2022). Peraturan negara mesti bersifat responsif dan tangkas bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa; telus dalam formulasi dan penyampaian; serta inklusif dan komprehensif untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi (Naharul, M. A., 2022).

Inisiatif Memacu Malaysia ke arah Daya Saing Global

Dalam memperkukuh produktiviti Malaysia, beberapa inisiatif telah dilaksanakan dan berjaya mencatat hasil yang memberangsangkan. Inisiatif tersebut termasuk:

- Pendekatan “Silent Implies Consent” oleh beberapa agensi teknikal telah mempercepat pengeluaran Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan untuk projek pembinaan. Kaedah ini telah berjaya menyelesaikan tunggakan peraturan dan membolehkan perniagaan memulakan semula operasi dengan lebih cepat semasa perintah kawalan pergerakan.
- Penggunaan pendekatan peraturan tangkas dalam inisiatif Permit Pembinaan Ekspres (E10) yang mengurangkan kerenah birokrasi dalam proses kelulusan akan mempercepat projek pembinaan dan pengeluaran lesen untuk perniagaan beroperasi dalam jangka masa yang lebih singkat. Inisiatif ini membawa kepada penjimatan kos pematuhan, penjanaan pendapatan yang lebih cepat, mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan menyokong ekonomi domestik.
- Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) diperkenalkan pada 2021 untuk meningkatkan kualiti peraturan baharu dan sedia ada supaya lebih cekap, berkesan dan telus. Dasar ini menggantikan Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) (MPC, 2021) dan bertindak sebagai instrumen untuk mengesahkan proses pembangunan peraturan berkualiti dan memberi penekanan kepada penggunaan RIA untuk pembuatan

⁸ WGI terdiri daripada enam dimensi tadbir urus yang luas iaitu Suara dan Akauntabiliti, Kestabilan Politik dan Ketiadaan Keganasan, Keberkesanan Kerajaan, Kualiti Kawal Selia, Kedaulatan Undang-undang dan Kawalan Rasuah.

keputusan yang tepat (Izham, M. I. M., 2020). Dokumen ini menyediakan panduan mengenai pelaksanaan GRP bagi institusi kerajaan dalam membangunkan dasar dan peraturan. Penambahbaikan yang paling ketara dalam NPGRP melibatkan perluasan skop untuk memberi tumpuan kepada semua peraturan yang mempengaruhi ekonomi, sosial dan alam sekitar berbanding NPDIR yang hanya digunakan untuk semua peraturan berkaitan perniagaan, pelaburan dan perdagangan. Penambahbaikan lain termasuk penjelasan mengenai peranan dan tanggungjawab badan pengawasan (Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara - JPPN), agensi pelaksana (MPC) dan pengawal selia; pengemaskinian dokumen panduan lama dan penerbitan panduan baharu; serta fleksibiliti dan memudahkan proses melalui fasa Penilaian Awal dan Penilaian Akhir (Izham, M. I. M., 2021). Melalui NPGRP, tadbir urus sektor awam akan diperkukuh dan pada masa yang sama membantu meningkatkan produktiviti negara menerusi penglibatan pihak berkepentingan dalam proses membuat peraturan.

- Portal Garis Panduan Pelesenan Malaysia (MyGP) merupakan platform sehenti yang dibangunkan pada 2021 bagi memudah cara penubuhan perniagaan. Platform ini membantu memastikan ketelusan dan kecekapan dalam kelulusan permohonan perniagaan dengan menyusun dan memusatkan semua garis panduan dan maklumat berkaitan pelesenan perniagaan dan permohonan permit.
- Program Malaysia Mudah (MyMudah) diperkenalkan pada 2020 sebagai strategi untuk menangani cabaran pengawalseliaan akibat pandemik COVID-19 serta platform untuk memudahkan penyelesaian pantas bagi mengurangkan impak pandemik. Majlis Tindakan Ekonomi telah memutuskan penubuhan Unit MyMUDAH di pertubuhan perniagaan, kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi memperkasakan dan memperkemas program ini melalui pendekatan keseluruhan kerajaan. Inisiatif ini akan membantu mengurangkan kos pematuhan peraturan sebanyak 25% setahun (MPC, 2020) dan memastikan peraturan yang berkualiti, komprehensif, tangkas dan responsif untuk meningkatkan produktiviti Malaysia.

Kesimpulan

Malaysia berpotensi tinggi untuk mencapai pertumbuhan produktiviti yang kukuh selaras dengan aspirasi RMKe-12 menjadi negara berpendapatan tinggi. Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengukuhkan produktiviti Malaysia termasuk mempercepat peralihan kepada teknologi digital, melaksanakan pembangunan bakat yang berkesan, memperkukuh kerjasama awam-swasta, menerima pakai amalan peraturan kawal selia yang baik dan meningkatkan inovasi yang dapat memangkin pertumbuhan ke arah kemajuan ekonomi. Pengukuhan produktiviti Malaysia akan menyediakan asas yang teguh bagi mempercepat momentum pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing negara pada peringkat global.

Bidang Pertumbuhan Baharu

Demi mempercepatkan transformasi menjadi negara berpendapatan tinggi, Malaysia perlu membangunkan bidang pertumbuhan baharu sebagai kelebihan perbandingannya walaupun ketika menghadapi cabaran ekonomi. Dalam hal ini, adalah penting bagi Malaysia untuk mengenal pasti bidang pertumbuhan yang akan meningkatkan daya saing negara dan menyediakan ekosistem pelaburan yang kondusif melalui penggubalan dasar pemudah cara untuk mempercepatkan pembangunan bidang pertumbuhan baharu. Bagi menyokong ekosistem tersebut, Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) dijangka menarik pelaburan berkualiti melalui penyediaan insentif, pemodenan industri dan penciptaan pekerjaan bergaji tinggi.

Ekonomi

Inklusiviti dan Kemampanan

Dalam usaha mencapai ekonomi yang inklusif dan mampan, Kerajaan memerlukan alat dasar yang teguh untuk memantau kemajuan inklusiviti dan kemampanan. Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) yang dibangunkan pada 2016, digunakan untuk mengukur aspek kemiskinan bukan kewangan seperti akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, ketersambungan digital dan dimensi taraf hidup lain. Sebagai alat dasar yang mantap, MPI membantu usaha mencapai pembangunan inklusif dan boleh diarusperdanakan untuk memastikan kemakmuran bersama di kalangan rakyat, termasuk menangani kekurangan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi. Aspek multi-dimensi MPI turut menyokong pengukuran kemajuan Malaysia dalam melaksanakan agenda kemampanan.

Sekuriti Makanan

Sekuriti makanan Malaysia akan mudah terjejas sekiranya pergantungan yang tinggi terhadap import berterusan terutamanya bijirin, sayur-

sayuran dan buah-buahan. Antara bahan makanan yang mencatatkan Kadar Sara Diri (SSR) kurang daripada 100% ialah keledak (75.6%), kelapa (66.6%), beras (63%), kobis (37.5%) dan cili (30.9%). Keadaan ini diburukkan lagi oleh tekanan inflasi makanan global di mana nilai import pertanian meningkat kira-kira empat kali ganda pada 2021 berbanding 2000, menyebabkan defisit yang lebih besar sebanyak RM24.9 bilion. Selain itu, kekurangan tumpuan terhadap pertanian berasaskan tanaman makanan dan tanah untuk kegunaan pertanian yang berkurangan menyumbang kepada isu sekuriti makanan dan tahap sara diri. Pada 2016, saiz tanah pertanian untuk tanaman makanan berkurang daripada 918.2 ribu hektar kepada 868.7 ribu hektar pada 2020 (DOSM, 2021)³.

Kerajaan

Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan

Menurut laporan IMD World Competitiveness Yearbook (IMD, 2022), Malaysia berada di kedudukan ke-38 pada 2022 berbanding kedudukan ke-30 pada 2021. Sementara itu, Indeks Persepsi Rasuah yang dikeluarkan oleh Transparency International bagi mengukur persepsi tahap rasuah dalam kalangan sektor awam meletakkan Malaysia di kedudukan ke-62 pada 2021, jatuh lima anak tangga dari kedudukan ke-57 pada 2020. Memandangkan ranking antarabangsa ini menggambarkan kualiti institusi dan tadbir urus negara, Malaysia akan terus mempertingkatkan kualiti tadbir urus dalam usaha memperbaiki prestasi serta reputasi negara. Menambahbaik kecekapan, ketelusan dan penyampaian perkhidmatan menjadi fokus utama Kerajaan. Penting bagi Kerajaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti untuk mempercepatkan usaha pemulihan pasca pandemik dan peralihan Malaysia ke status berpendapatan tinggi sungguhpun berdepan dengan pengawasan rapi ke atas pengurusan fiskal negara demi mengekalkan kestabilan ekonomi.

³ Pengiraan MOF berdasarkan data keluasan bertanam bagi tanaman terpilih (2016 – 2020) oleh DOSM.

Pengurusan Risiko Bencana

Malaysia sering berhadapan dengan pelbagai bencana alam, namun kejadian banjir dan tanah runtuh yang berlaku pada penghujung 2021 dan awal 2022 di beberapa kawasan dalam negara telah menyedarkan Malaysia

terhadap kepentingan mempertingkatkan kesiapsiagaan berdepan sebarang bencana. Bagi mengurangkan impak bencana banjir baru-baru ini, Kerajaan telah menyalurkan bantuan segera berjumlah RM2 bilion untuk membantu rakyat yang terkesan.

RENCANA 1.4

Risiko dan Impak Iklim kepada Ekonomi

Pengenalan

Dunia kini sedang menghadapi krisis iklim yang akan memberi kesan menyeluruh kepada ekonomi global dan landasan pembangunan negara sedunia. Kesan pemanasan global dan perubahan iklim meningkatkan kebimbangan terhadap keselamatan tenaga, air dan makanan; pertumbuhan ekonomi; serta kekerapan kejadian bencana alam. Perkara ini telah menjadi tumpuan dalam agenda global sejak beberapa dekad yang lalu. Kepesatan aktiviti perindustrian dan urbanisasi telah menyebabkan peningkatan pelepasan gas rumah kaca (GHG) ke atmosfera seterusnya mengakibatkan peningkatan suhu global dan perubahan sistem iklim yang tidak pernah berlaku sebelum ini seperti dalam Rajah 1.4.1. Menurut Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) (2021), situasi ini akan terus bertambah buruk pada masa hadapan dan meningkatkan risiko kepada kebanyakan negara.


RAJAH 1.4.1. Kesan terhadap Peningkatan Pelepasan Gas Rumah Kaca



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Malaysia tidak terkecuali daripada merasai kesan pemanasan global dan perubahan iklim. Menurut laporan *Third National Communication* dan *Second Biennial Update* kepada Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC), peningkatan purata suhu permukaan negara akan menyebabkan kenaikan paras laut serta perubahan corak taburan hujan dari segi kekerapan dan isi padu. Kesan keseluruhan perubahan iklim dijangka meruncing dan menjejaskan pelbagai sektor penting ekonomi negara. Ketiadaan intervensi berkesan akan meningkatkan risiko terhadap bekalan tenaga dan air, sekuriti makanan, pelancongan dan kesejahteraan rakyat seperti dalam Rajah 1.4.2. Pendekatan global dalam menangani krisis iklim termasuk tindakan unilateral oleh negara tertentu, jika tidak diuruskan dengan baik akan memberi kesan kepada ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

RAJAH 1.4.2. Risiko dan Kesan Iklim Umum di Malaysia



Source: Kementerian Kewangan dan Kementerian Alam Sekitar dan Air Malaysia

Risiko dan Impak Iklim di Malaysia

Sekuriti Makanan dan Air

Sumber bekalan air negara terutamanya berpunca daripada taburan hujan yang diterima sepanjang tahun yang mengalir dari kawasan gunung dan hutan ke sungai dan tasik. Walau bagaimanapun, peningkatan suhu dan kemarau yang berpanjangan akan menyebabkan air bawah tanah, tasik dan jasad air lain mengering. Di samping itu, hujan lebat dan banjir juga akan mengakibatkan kemerosotan kualiti air. Perubahan ini akan menjejaskan kesuburan tanah dan tanaman serta produktiviti peneaian. Peningkatan suhu akan memberi tekanan kepada ternakan seterusnya menyebabkan pengurangan hasil. Keadaan ini yang diburukkan lagi dengan peningkatan paras laut akan menyebabkan kesan ketara kepada aktiviti pertanian pesisir pantai dan industri perikanan berikutan peningkatan hakisan, pencerobohan air masin, ribut dan musim tengkujuh yang tidak dijangka. Peningkatan suhu lautan akan memberi kesan kelunturan terumbu karang secara serius serta mengurangkan hasil laut tempatan dengan ketara. Faktor tersebut akan memberi kesan buruk kepada ketersediaan air bersih negara secara menyeluruh dan keupayaan pengeluaran makanan.

Sebagai negara pengimport bersih makanan, Malaysia bergantung tinggi terhadap import makanan dan pertanian. Pandemik COVID-19 dan konflik Rusia-Ukraine membuktikan bahawa negara lain berpotensi mengurangkan eksport seterusnya mengakibatkan gangguan bekalan dan kenaikan harga. Pengurangan produktiviti pertanian domestik serta gangguan import akan menjejaskan sekuriti makanan dan pendapatan eksport serta memberi risiko kepada keseluruhan ekonomi dan negara.

Bencana Alam

Perubahan suhu dan taburan hujan akan melemahkan struktur tanah, batuan dan keadaan permukaan bumi seterusnya menyumbang kepada peningkatan kekerapan dan magnitud bencana geologi seperti tanah runtuh dan aliran puing. Kekerapan banjir dan kemarau juga akan meningkat mengikut kawasan, masa dan magnitud yang berbeza seterusnya memberi kesan ekonomi dan sosial kepada masyarakat sekitar serta mengakibatkan kerugian besar kepada negara. Banjir di Kota Tinggi, Johor pada 2007 menyebabkan kerugian ekonomi, infrastruktur dan pertanian hampir RM2.4 bilion. Kejadian banjir yang melanda negara pada 2014 telah melibatkan kos Kerajaan sebanyak RM1.5 bilion manakala banjir pada Disember 2021 dengan penyaluran segera sekitar RM2 bilion serta peruntukan tambahan RM15 bilion bagi projek tebatan banjir sehingga 2030. Di samping itu, usaha perlindungan dan penambahbaikan pantai untuk mengatasi kenaikan paras laut adalah mencabar dan menelan belanja yang tinggi. Justeru, pengurusan banjir, kenaikan paras laut dan bencana lain yang berkaitan akan meningkatkan beban fiskal Kerajaan.

Pelancongan

Kawasan pantai dan landskap semula jadi negara adalah destinasi pelancongan yang kerap dilawati. Walau bagaimanapun, ekosistem tanah lembap seperti rawang garam, paya bakau, padang rumput laut dan terumbu karang akan berubah sekiranya berlaku peningkatan suhu dan paras laut serta perubahan iklim. Perubahan tersebut akan memberi kesan kepada mata pencarian penduduk tempatan serta industri pelancongan. Infrastruktur pelancongan berhadapan risiko ditenggelami air berikutan peningkatan paras laut. Daya tarikan negara turut terjejas disebabkan oleh peningkatan kekerapan banjir, tanah runtuh, catuan air dan pelunturan karang. Sebagaimana yang berlaku semasa pandemik COVID-19 baru-baru ini, pengurangan aktiviti pelancongan akan memberi kesan kepada industri berkaitan pelancongan dan menjejaskan kehidupan masyarakat.

Keselamatan Sosial

Peningkatan haba dan kekerapan cuaca melampau juga akan menyaksikan penyebaran wabak dan penyakit bawaan air. Iklim yang lebih panas akan memburukkan lagi penularan penyakit tropika seperti malaria dan denggi. Keadaan yang lebih kering dan gelombang haba akan meningkatkan kejadian kebakaran liar sehingga mencetuskan jerebu yang membawa kepada pertambahan kes penyakit berkaitan pernafasan. Impak kesihatan tersebut akan menambah tekanan kepada sistem kesihatan negara dan menjejaskan produktiviti secara keseluruhan.

Perubahan iklim akan menyebabkan lebih ramai penduduk kehilangan tempat tinggal dan terpaksa berhijrah. Konflik berkaitan kekurangan sumber, kebuluran akibat kemarau dan banjir serta peningkatan kejadian cuaca melampau boleh meningkatkan ketegangan geopolitik dan pelarian iklim (IPCC, 2022a). Kesan perubahan iklim di samping kemajuan teknologi dan pendidikan serta peningkatan populasi berpotensi menyebabkan lebih banyak penghijrahan penduduk ke bandar seterusnya memberi tekanan kepada keseluruhan sumber dalam negara.

Tenaga

Malaysia amat bergantung kepada ketersediaan tenaga dengan harga berpatutan bagi tujuan penggunaan dan pembangunan. Tenaga ini digunakan untuk penjanaan elektrik bagi industri, teknologi dan kediaman selain digunakan juga sebagai bahan api untuk kenderaan dan mesin. Bagi membolehkan rakyat mendapat bekalan tenaga tersebut, Kerajaan memperuntukkan sejumlah besar subsidi tahunan bagi sumber tenaga di peringkat hiliran seperti petrol dan diesel. Walau bagaimanapun, subsidi pukal adalah tidak mampan dan memberi tekanan kepada ruang fiskal negara. Melangkah ke hadapan, penggunaan bahan api fosil akan memberi risiko yang tinggi kepada pembangunan mampan kerana bahan ini mencemarkan alam, terhad serta terdedah kepada ketidaktentuan pasaran dan situasi geopolitik.

Ekonomi

Seiring dengan langkah global ke arah penyahkarbonan, pelepasan GHG yang umumnya dikenali sebagai karbon akan mempengaruhi kebolehpasaran perniagaan dan telah menjadi sumber komoditi baharu yang boleh didagangkan. Pada masa kini, permintaan pengguna untuk produk dan perkhidmatan rendah karbon semakin mendapat perhatian. Ekonomi iklim menjadi semakin mencabar berbanding sebelum ini kerana kenaikan harga tenaga dan sumber asas telah meningkatkan kos operasi dan pengeluaran seterusnya memberi kesan kepada margin keuntungan. Memandangkan kebanyakan perniagaan dan ekonomi di seluruh dunia mula menumpu kepada produk dan perkhidmatan hijau, mesra iklim, rendah karbon dan mampan, maka lebih banyak syarikat patuh ESG¹ telah mula beralih daripada norma sebelum ini dan menambah baik operasi perniagaan.

Di peringkat antarabangsa, dasar penetapan harga karbon telah mula diguna pakai oleh negara maju dan membangun untuk menyokong agenda perubahan iklim. Kesatuan Eropah (EU) telah menetapkan peraturan *Carbon Border Adjustment Mechanism* (CBAM) dengan sasaran untuk mengenakan duti ad-valorem ke atas import produk berintensif karbon bagi industri tertentu. Peraturan dan syarat yang lebih ketat ke atas produk yang dikenakan oleh ekonomi tertentu seperti EU akan memberi kesan terhadap rantai bekalan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pelepasan GHG di semua peringkat rantai bekalan akan diteliti oleh EU dan produk eksport yang gagal menepati syarat ditetapkan akan dikenakan cukai tambahan atau berkemungkinan dilarang memasuki pasaran EU. Pelaksanaan CBAM akan memberi kesan kepada daya saing perdagangan dalam kalangan rakan dagang EU termasuk Malaysia. Sementara itu, beberapa negara lain sedang dalam usaha meneliti mekanisme yang sama untuk melindungi industri dan ekonomi domestik dalam usaha mengurangkan pelepasan GHG.

Berdasarkan perkembangan ini, penggunaan mekanisme pasaran dijangka akan meningkat di mana penelitian yang serius akan dilaksanakan terhadap parameter iklim utama setiap negara dan kesannya terhadap masyarakat, kehidupan dan ekonomi. Selain itu, organisasi antarabangsa seperti Kumpulan Bank Dunia (WBG) dan Bank Pembangunan Asia (ADB) menerbitkan profil negara mengikut risiko iklim yang melaporkan ketersediaan negara dalam menghadapi krisis perubahan iklim bagi rujukan pelabur dan perniagaan.

Usaha Semasa dan Melangkah ke Hadapan

Kerajaan sedar bahawa tanpa perancangan dan persediaan yang rapi, pemanasan global dan perubahan iklim akan memberi tekanan kepada kedudukan ekonomi dan sosial negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu, Dasar Perubahan Iklim Negara serta dasar dan langkah berkaitan telah digubal sebagai panduan untuk negara mengharungi cabaran akan datang seperti dalam Rajah 1.4.3. Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12) yang berpandukan tonggak kemampuan iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar telah menyasarkan pelepasan GHG sifar bersih seawal 2050.

¹ ESG merupakan sistem untuk mengukur kemampuan syarikat atau pelaburan dalam tiga kategori khusus iaitu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus.

RAJAH 1.4.3. Beberapa Inisiatif dan Dasar Berkaitan Iklim Malaysia

Dasar Perubahan Iklim Negara Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharui Kebangsaan		Tarif Galakan (FIT)		Perolehan Hijau Kerajaan (GGP)		Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF)		Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (NEEAP) Strategi REDD Plus Kebangsaan		Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT)	Rancangan Malaysia (RMKe12) (2021-2025) Agenda Transformasi Sektor Air 2040	Dasar Tenaga Negara (2021-2040) Pasaran Karbon Sukarela (VCM) Rangka Kerja Kewangan Bersepadu (BNFP)
2019	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2021	2022
	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS)		Dasar Sumber Atr Negara (DSAN) Pengecualian Cukai Bagi Kenderaan Cekap Tenaga		FTSE Good Bursa Saham Malaysia Index		Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) Solar Berskala Besar (LSS)		Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI)		Taksonomi Berasaskan Prinsip dan Perubahan Iklim (CCPT) Sukuk Kelestarian	Long-term Low Emission Development Strategies (LT-LEDS) Pengecualian Cukai Bagi Kenderaan Elektrik

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Justeru, Malaysia akan membangunkan *Long Term Low Emission Development Strategy* (LT-LEDS) yang menggariskan strategi dan tindakan bagi pengurangan GHG terutamanya bagi sektor ekonomi utama. Dokumen LT-LEDS akan menyediakan asas dan menetapkan hala tuju serta sasaran bagi mencapai aspirasi pelepasan sifar bersih.

Tenaga

Sumber tenaga boleh baharu seperti angin dan solar akan melepaskan GHG secara minimum atau sifar, tersedia dan biasanya lebih murah berbanding arang batu, minyak atau gas (IPCC, 2022b). Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharui Kebangsaan dilancarkan pada 2009 untuk menerajui pelaksanaan tenaga boleh baharu di Malaysia. Usaha ini diperkukuh dengan pelancaran Dasar Tenaga Negara 2021 – 2040 pada 2022 bertujuan memenuhi permintaan tenaga negara yang semakin meningkat di samping memastikan ekonomi yang lebih bersih dan berdaya tahan bagi mencapai matlamat sifar bersih. Tenaga hidro kini merupakan penyumbang terbesar dalam kalangan tenaga boleh baharu negara. Walau bagaimanapun, tenaga hidro berskala besar boleh terjejas sekiranya sungai mengering serta berlaku peningkatan kelodak dan mendapan. Oleh itu, perubahan corak iklim dan cuaca perlu diambil kira semasa merancang penggunaan tenaga hidro bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan projek seperti Stesen Janakuasa Hidroelektrik Bakun serta loji janakuasa hidro yang lain.

Sebaliknya, tenaga solar berpotensi menyumbang lebih banyak kepada komposisi sumber tenaga negara. Penyertaan syarikat tempatan perlu dipertingkat memandangkan Malaysia antara pembekal utama panel solar fotovoltan dunia. Pengenalan sistem Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) membolehkan lebih tenaga yang dihasilkan daripada panel solar pada bangunan persendirian atau komersial dijual semula kepada grid berdasarkan sistem Tarif Galakan (FIT) dan Solar Berskala Besar (LSS) seterusnya mewujudkan ekosistem pasaran ekonomi baharu.

Industri pengurusan sisa yang mampan boleh menawarkan aliran hasil yang dinamik dan menguntungkan kepada ekonomi. Selain itu, industri ini juga berpotensi menjadi sumber tenaga alternatif melalui penggunaan biojisim dan biogas. Bagi tujuan ini, Malaysia mengeksport beberapa produk sisa ke negara lain contohnya minyak masak terpakai yang dieksport ke Singapura untuk

diproses menjadi bahan api pesawat. Manakala efluen kilang minyak sawit (POME) dieksport ke Jepun bagi penghasilan tenaga biojisim. Kemajuan dalam industri pengurusan sisa termasuk kitar semula, penggunaan semula, penjanaaan biobahan api serta galakan ke arah ekonomi kitaran² dan ekonomi sisa-kepada-kekayaan³ akan membuka peluang baharu penjanaaan pendapatan kepada perniagaan tempatan dan pewujudan pekerjaan baharu. Melangkah ke hadapan, Kerajaan melalui agensi berkaitan dengan dibantu oleh institusi penyelidikan awam dan swasta sedang mengkaji sumber tenaga alternatif lain yang berpotensi seperti angin, haba dan ombak.

Penjimatan penggunaan tenaga melalui langkah kecekapan tenaga⁴ merupakan antara pilihan dengan kos paling efektif yang dilaksanakan Kerajaan dalam menangani kesan ke atas ekonomi berikutan kenaikan harga bahan api. Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (NEEAP) menggariskan strategi untuk menggalakkan penggunaan elektrik yang cekap dan produk cekap tenaga dalam kalangan industri dan pengguna. Sementara itu, inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) menggalakkan penggunaan produk cekap tenaga serta produk dan perkhidmatan hijau lain di premis kerajaan sejak 2013. Pada 2021, GGP dianggar bernilai RM616.8 juta melibatkan 27 kementerian.

Mobiliti

Sebagai sebahagian daripada penggunaan tenaga untuk industri dan awam, mobiliti merupakan kategori utama lain yang perlu ditambah baik terutamanya melalui teknologi pengangkutan yang lebih bersih. Penggunaan kenderaan cekap tenaga (EEV) dan kenderaan tenaga alternatif (AEV) menyediakan penyelesaian untuk mobiliti yang lebih mampan dalam menghadapi kenaikan harga bahan api. Kerajaan memberi pengecualian cukai khas untuk pembelian EEV pada 2012 yang merangkumi kenderaan hibrid (HV) dan kenderaan elektrik (EV). Pasaran EEV berkembang pesat sejak dekad yang lalu berikutan lebih banyak pengilang kereta mula mengeluarkan pilihan HV. Di samping itu, Kerajaan telah memberikan pengecualian cukai khas ke atas EV berkuasa bateri sepenuhnya untuk menggalakkan penggunaan dalam kalangan pengguna. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan mengukuhkan ekosistem EV serta mengkaji potensi industri AEV termasuk kenderaan berkuasa hidrogen.

Air

Dasar Sumber Air Negara (DSAN) telah dilancarkan pada 2012 untuk memastikan pengurusan sumber air yang lebih mampan dan bersepadu termasuk penggunaan sumber air bawah tanah serta pemeliharaan dan pengurusan kawasan tadahan air dan lembangan sungai. Agenda Transformasi Sektor Air 2040 turut diberi penekanan dalam RMKe-12 bagi memacu pembangunan sektor ini untuk memastikan jaminan dan kemampunan sumber air serta kepentingannya kepada pertumbuhan ekonomi negara. Program pendidikan dan kesedaran khusus untuk orang awam akan terus dipertingkatkan bagi menggalakkan amalan penggunaan air secara berhemat. Melangkah ke hadapan, sektor air akan dibangunkan sebagai enjin pertumbuhan yang dinamik di samping memastikan bekalan air negara terjamin. Matlamat ini akan dicapai melalui pemeraksanaan rakyat sebagai pemacu transformasi sektor air, pengukuhan tadbir urus, peningkatan pembuatan keputusan berdasarkan data serta pembangunan infrastruktur yang mampan dan kos efektif.

² Perhimpunan Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2019 mentakrifkan ekonomi kitaran sebagai model di mana produk dan bahan direka sedemikian rupa sehingga dapat digunakan semula, dikilang semula, dikitar semula atau dipulihkan dan dengan itu dikekalkan dalam ekonomi selama mungkin.

³ Waste-To-Wealth, ke arah Sisa Sifar Mampan dalam Ekonomi Kitaran: Gambaran Keseluruhan (2019) mentakrifkan memindahkan sisa dari platform utiliti yang habis ke tahap yang bernilai dan diinginkan.

⁴ Antara inisiatif utama ialah Promosi Peralatan Bertaraf 5 Bintang, Standard Prestasi Tenaga Minimum (MEPS), Reka Bentuk Bangunan Cekap Tenaga dan Promosi Penjanaaan Bersama.

Makanan

Kerajaan akan meningkatkan usaha dalam memajukan ekosistem pertanian yang lebih berdaya tahan bagi menangani isu sekuriti makanan. Sistem pengairan dan infrastruktur yang lengkap akan disediakan untuk membekalkan air yang mencukupi kepada ladang dan kawasan tanaman pada setiap masa termasuk semasa kemarau. Varieti tanaman terpilih dan diubah suai yang mampu menghadapi keadaan kemarau dan kekurangan bekalan air juga diperkenalkan untuk memastikan hasil yang produktif. Teknologi berdaya tahan iklim yang efektif dan amalan pertanian mampan akan terus diguna pakai bagi meningkatkan hasil tanaman dan produktiviti seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import makanan. Selain program yang dirancang di daratan, usaha memulihara ekosistem pantai sebagai tempat pembiakan dan sumber makanan hidupan marin akan dipertingkatkan bagi memastikan kelestarian ekonomi biru.⁵ Secara keseluruhan, pembangunan infrastruktur, penglibatan pihak berkepentingan dan pembangunan kapasiti yang teratur untuk industri penting bagi memastikan kemampanan dan daya tahan sektor pertanian.

Pelancongan dan Alam Sekitar

Pelaksanaan pengurusan hutan lestari secara berkesan melalui program pemeliharaan dan pemuliharaan bagi biodiversiti, penyerap karbon dan aset semula jadi di daratan dan di dalam air penting untuk menjamin kelangsungan hidup masyarakat tempatan dan industri pelancongan. Usaha menggalakkan industri ekopelancongan dan pelancongan berasaskan alam semula jadi juga akan dipergiat bagi mengurangkan impak negatif ke atas warisan semula jadi negara. Dalam hal ini, usaha untuk menyokong biodiversiti serta pemuliharaan dan pengurusan ekosistem akan diperkukuh antaranya melalui mekanisme REDD Plus,⁶ Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF) dan Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT).

Masyarakat dan Pembangunan

Malaysia akan terus meningkatkan kesediaan dan keupayaan adaptasi negara bagi mengurangkan kesan perubahan iklim untuk melindungi rakyat serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Kerajaan akan terus memastikan bekalan makanan dan air mencukupi bagi memenuhi peningkatan permintaan negara. Di samping itu, pengurusan sumber yang baik dan pengagihan saksama akan ditingkatkan demi kesejahteraan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Langkah bagi mengurangkan dan mencegah bencana berkaitan perubahan iklim akan diperkukuh serta pemuliharaan ekosistem semula jadi akan ditingkatkan. Selain itu, perancangan bandar yang berkesan dengan menggabungkan aspek adaptasi dan mitigasi perubahan iklim yang teratur akan dilaksanakan. Ini akan memastikan perbandaran yang berdaya tahan dan mesra iklim dengan menggunakan teknologi rendah karbon, landskap yang lebih hijau serta jaringan hubungan yang lebih baik.

Ekonomi

Selaras dengan trend penyahkarbonan global, Kerajaan akan melaksanakan langkah yang sesuai untuk mengukuhkan pembangunan ekonomi negara. Malaysia sedang mengkaji kebolehlaksanaan mekanisme penetapan harga karbon bagi menggalakkan industri menghasilkan produk yang berdaya saing di pasaran antarabangsa. Kerajaan akan menilai mekanisme bersesuaian untuk meningkatkan penyertaan industri dalam perdagangan karbon domestik. Pelaksanaan Pasaran Karbon Sukarela (VCM) menjelang akhir 2022 oleh Bursa Malaysia akan menggunakan standard Verra untuk mengesahkan kredit karbon yang didagangkan dalam platform. Kredit yang ditawarkan

⁵ Bank Dunia mentakrifkan ekonomi biru sebagai penggunaan mampan sumber lautan untuk pertumbuhan ekonomi, mata pencarian yang lebih baik, dan pekerjaan sambil memelihara kesihatan ekosistem lautan.

⁶ REDD Plus - Mengurangkan Pelepasan GHG daripada Penebangan Hutan dan Degradasi Hutan.

adalah berkualiti tinggi bagi memacu pelaburan berskala besar ke arah aktiviti berimpak tinggi. Usaha negara untuk beralih ke arah sifar bersih karbon akan mewujudkan sektor ekonomi baharu. Kemunculan teknologi, perniagaan dan industri yang mesra iklim atau rendah karbon akan memperkukuh ekonomi melalui kepelbagaian pasaran, pewujudan pekerjaan dan penjana hasil.

Usaha tersebut akan disokong oleh inisiatif kukuh daripada sektor kewangan. Bilangan dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang diluluskan telah meningkat daripada dua dana ketika pertama kali dilancarkan pada 2018 kepada 56 dana sehingga Jun 2022. Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia yang bermula pada 2014 mengiktiraf syarikat senaraian awam (PLC) dengan amalan baik dan bilangan konstituen telah meningkat lebih tiga kali ganda sejak penubuhannya. Prinsip Tadbir Urus Baik (PGG) untuk syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) akan menggalakkan tadbir urus yang baik dan agenda ESG dalam GLIC manakala Taksonomi Berasaskan Prinsip dan Perubahan Iklim (CCPT) akan menyokong peralihan perniagaan kepada amalan rendah karbon.

Dari aspek Kewangan Islam, Malaysia telah mempelopori sukuk hijau dan sukuk impak sosial melalui rangka kerja Sukuk SRI Suruhanjaya Sekuriti dan terus menerajui pasaran sukuk yang mewakili hampir 45% daripada sukuk terkumpul global. Penerbitan Sukuk Kelestarian Berdaulat dalam denominasi US Dollar pada April 2021 merupakan satu kejayaan kepada negara. Lanjutan itu, Malaysia telah kemudiannya menerbitkan sukuk domestik dalam denominasi Ringgit Malaysia sebanyak RM4.5 bilion pada 2022. Hasil penerbitan sukuk tersebut akan disalurkan kepada program dan projek mampan dan kelestarian seperti yang disenaraikan dalam Rangka Kerja Sukuk SDG Kerajaan Malaysia. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) yang diperkenalkan pada 2010 bertujuan menggalakkan syarikat dan usahawan tempatan mengambil bahagian dalam projek berasaskan teknologi hijau telah menerima peruntukan sebanyak RM2 bilion di bawah Bajet 2022. Peruntukan ini akan menyokong penerbitan Sukuk SRI dan bon hijau serta dibuka untuk permohonan sehingga 31 Disember 2022.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan menyediakan rangka kerja institusi dan kawal selia secara berperingkat untuk menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menggalakkan pelaksanaan tindakan iklim oleh semua pihak berkepentingan di negara ini. Pembangunan Rangka Kerja Pembiayaan Nasional Bersepadu (INFF) dan Pelan Hala Tuju Kewangan Mampan akan membantu Kerajaan dalam memahami landskap pembiayaan semasa dan mengenal pasti jurang pembiayaan sedia ada dan akan datang ke arah memastikan kewangan yang mencukupi bagi mencapai aspirasi sifar bersih.

Kesimpulan

Pemanasan global dan perubahan iklim akan memberi kesan menyeluruh kepada hala tuju pembangunan Malaysia, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Kebanyakan isu yang dihadapi akibat perubahan iklim tiada penyelesaian mudah kerana merentasi bidang tadbir urus, sains, teknologi, ekonomi dan komunikasi. Penyelesaian tersebut memerlukan anjakan paradigma dalam tingkah laku individu serta operasi perniagaan dan kerajaan. Risiko iklim akan ditangani oleh Kerajaan melalui pendekatan menyeluruh dengan penglibatan dan kerjasama agensi, institusi, perniagaan dan komuniti. Implikasi ekonomi dan kewangan dalam menghadapi kesan pemanasan global dan perubahan iklim akan diperhalusi yang meliputi risiko dan peluang jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Usaha ini akan membolehkan penggubalan dasar dan langkah tindak balas yang bersesuaian serta berkesan demi memastikan kemampan ekonomi dan daya tahan negara.

Kesihatan Awam

Sistem penjagaan kesihatan di Malaysia telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan berkualiti terutamanya semasa tempoh pandemik. Namun begitu, masih terdapat keperluan bagi menangani beberapa isu seperti kekurangan pekerja teknikal dan kesihatan termasuk pakar perubatan, masa menunggu yang lama, kemudahan peralatan canggih yang tidak mencukupi dan kelemahan integrasi pangkalan data kesihatan dalam kalangan institusi kesihatan awam. Penambahbaikan dari segi kebolehcapaian perkhidmatan di kawasan pedalaman juga perlu dilaksanakan terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Inisiatif Strategik – Bajet 2023

Dalam mendepani persekitaran global yang mencabar ketika negara berada dalam fasa pemulihan, Kerajaan akan terus menyediakan sokongan yang relevan kepada rakyat dan perniagaan. Sehubungan itu, Bajet 2023 memberi penekanan kepada memperkukuh momentum pemulihan, membina daya tahan ekonomi dan memacu pembaharuan yang komprehensif.

Memperkukuh Momentum Pemulihan

Pendekatan holistik akan diguna pakai bagi memperkukuh momentum pemulihan dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat pascapandemik COVID-19. Berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat dan kesan krisis, Kerajaan akan meneruskan langkah bagi mengurangkan risiko yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah sekiranya berlaku krisis ekonomi dan bencana alam. Justeru, sistem perlindungan sosial akan diperkukuh bagi memperluas liputan untuk rakyat dalam mendepani pelbagai kelemahan. Bagi mencapai pertumbuhan yang inklusif

dan mampan, Kerajaan akan melaksanakan pembangunan dan menyediakan perkhidmatan untuk mengurangkan jurang antara wilayah dan jurang antara masyarakat.

Bajet 2023 akan mengetengahkan strategi dan program yang memberi tumpuan kepada kehidupan masyarakat yang lebih baik, selamat dan inklusif. Oleh itu, Kerajaan berhasrat untuk memastikan rakyat mempunyai akses kepada peluang pekerjaan dan perniagaan bagi meningkatkan pendapatan mereka. Keutamaan akan terus diberikan kepada pelaburan yang menjana peluang pekerjaan dan perniagaan berkualiti di samping menyumbang ke arah industri yang lebih berdaya tahan, kompetitif dan kalis masa hadapan selaras dengan 4IR dan agenda pendigitalan.

Langkah akan diperkenalkan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat menyertai pasaran buruh terutamanya dalam kalangan wanita dan generasi muda melalui program pekerjaan dan keusahawanan. Strategi untuk mempercepat penggunaan automasi dan aktiviti pengeluaran bernilai tambah tinggi dalam industri akan turut ditingkatkan bagi merangsang permintaan yang lebih tinggi terhadap pekerja mahir. Selain itu, Kerajaan akan menggalakkan petani dan agropreneur menggunakan teknologi bagi meningkatkan produktiviti pertanian. Pada masa yang sama, masyarakat terutamanya golongan belia akan digalakkan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pertanian bandar dan pertanian moden.

Memandangkan peningkatan kualiti hidup adalah penting, Kerajaan berhasrat untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat dengan mudah cara kemudahan pembiayaan termasuk sektor informal. Bajet 2023 turut menumpukan peningkatan akses terhadap penjagaan kesihatan berkualiti di seluruh negara termasuk memberi fokus kepada pencegahan dan saringan kesihatan. Kerajaan juga akan memperkukuh pelaburan dalam bidang keselamatan dan pendidikan serta memperluas akses infrastruktur asas di seluruh negara.

Ke arah mencapai matlamat inklusiviti di seluruh negara, tumpuan akan diberikan kepada langkah untuk menaik taraf dan memperluas kemudahan pendidikan, penjagaan kesihatan, pengangkutan dan hubungan komunikasi. Usaha berkenaan akan merapatkan jurang pembangunan antara bandar dengan luar bandar, seterusnya memenuhi keperluan rakyat secara holistik. Bagi mempertingkatkan kualiti penjagaan kesihatan, Kerajaan akan menambah bilangan profesional penjagaan kesihatan dan menyediakan persekitaran yang kondusif di fasiliti kesihatan awam.

Kerajaan terus komited dalam mempromosikan program berteraskan rakyat bagi membolehkan rakyat mendapat manfaat daripada pertumbuhan dan kemakmuran negara. Bajet 2023 akan memberi perhatian kepada pembangunan infrastruktur dengan tumpuan khusus kepada meningkatkan kesalinghubungan pengangkutan dan internet. Sementara itu, agenda Bumiputera akan terus diberi tumpuan untuk memperkasakan orang Melayu, Orang Asli serta anak negeri Sabah dan Sarawak untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi selaras dengan pelan hala tuju Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030. Bagi memperkasakan golongan minoriti dan kumpulan rentan tertentu serta Orang Asli untuk mengambil bahagian secara lebih aktif dalam masyarakat, Bajet ini akan terus membina kerjasama antara NGO dan agensi kerajaan. Penekanan khusus juga akan diberikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas, warga emas dan orang kelainan upaya untuk mendapatkan penjagaan khusus serta peluang pendidikan.

Membina Daya Tahan Ekonomi

Perniagaan dari semua saiz terjejas secara langsung disebabkan oleh pandemik COVID-19, memaksa banyak daripada mereka untuk menghentikan operasi buat sementara waktu atau selama-lamanya.

Dengan pembukaan semula ekonomi sepenuhnya, Kerajaan komited untuk memberi tumpuan kepada strategi bagi memulihkan perniagaan dan ketahanan ekonomi termasuk memastikan akses kepada pembiayaan, memacu pelaburan strategik dan memulihkan sektor yang disasarkan. Usaha ini perlu dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan seterusnya meningkatkan daya saing negara. Menyedari sumbangan besar PMKS kepada ekonomi dan pekerjaan, usaha akan diambil bagi memperluas akses kepada pembiayaan perniagaan serta mengutamakan dan menggalakkan pelaburan langsung domestik.

Kerajaan komited untuk mempercepat pewujudan syarikat startup tempatan yang berpotensi tinggi dan firma inovatif yang akan meningkatkan permintaan terhadap pekerja mahir dan pekerja dengan pelbagai kemahiran bagi memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi dan inklusif. Usaha bersepadu akan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan, keupayaan digital serta amalan pengurusan dalam kalangan kumpulan berbakat. Di samping itu, langkah khusus untuk memupuk hubungan antara PMKS dengan komuniti inovator termasuk MNC dan ahli akademik akan diutamakan untuk menggalakkan dan memberi insentif kepada penerimgunaan proses inovatif. Inisiatif untuk menggalakkan PMKS mengamalkan ESG dan membuat lebih banyak pelaburan hijau juga akan dilaksanakan. Sehubungan itu, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada pengukuhan penyelarasan program merentasi kementerian bagi memastikan pelaksanaan pelbagai inisiatif berjalan lancar.

Enam bidang pertumbuhan baharu utama telah dikenal pasti untuk mempercepat transformasi Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Bidang ini yang terkandung dalam Industry4WRD, RMKe-12 dan NIA termasuk E&E termaju, aeroangkasa, industri biojisim, kimia dan produk kimia, farmaseutikal serta ekonomi digital. Kerajaan akan memberikan tumpuan

kepada mempromosikan produk, menambah baik proses, mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi dan mempergiat R&D&C&I yang disokong oleh ekonomi digital di Malaysia.

Usaha untuk memodenkan lagi sektor pertanian juga masih diteruskan. Dalam hubungan ini, industri agro makanan akan disokong menerusi peningkatan produktiviti melalui pelaksanaan amalan terbaik, teknologi moden dan pertanian pintar. Selain itu, Kerajaan akan terus menambahbaik rantai bekalan berkaitan makanan dalam menggalakkan kestabilan harga. Bajet 2023 juga akan menggalakkan lebih banyak pengeluaran makanan tempatan dan mengurangkan pergantungan kepada pengimportan makanan untuk memenuhi keperluan tahap sara diri (SSL).

Penerimaan logo halal Malaysia pada peringkat global akan dimanfaatkan sebagai alat pemasaran untuk mempromosikan produk Malaysia. Pelbagai inisiatif boleh diambil untuk meningkatkan daya saing industri halal Malaysia pada peringkat antarabangsa. Ini termasuk meningkatkan pemasaran dan promosi; menggalakkan aktiviti R&D; menambah baik kualiti produk Malaysia mengikut piawaian global; menarik lebih ramai bakat ke dalam industri; dan memperkemas fungsi agensi Kerajaan. Pada masa hadapan, produk dan perkhidmatan baharu dalam industri halal Malaysia perlu dipelbagaikan.

Sokongan Kerajaan terhadap pemulihan menyeluruh industri pelancongan penting memandangkan terimaan pelancongan merupakan satu daripada sumber utama pendapatan pertukaran asing negara. Justeru, Kerajaan akan memastikan momentum pertumbuhan industri ini terus disokong melalui penumpuan kepada pelancongan bernilai tinggi, pengukuhan produk kebudayaan dan kemudahan pelancongan yang berkaitan. Pelaksanaan inisiatif yang digariskan di bawah Kerangka Pemulihan Pelancongan 2.0 akan dipercepat.

Memacu Pembaharuan yang Komprehensif

Pembangunan sosioekonomi yang mampan dapat dicapai dengan merencanakan pertumbuhan ekonomi hijau bagi mengukuhkan daya tahan negara terhadap kesan perubahan iklim dan langkah global ke arah penyahkarbonan. Bajet 2023 akan memberi lebih penekanan untuk meningkatkan pelaburan hijau bagi pembangunan persekitaran bandar rendah karbon, berdaya tahan dan sihat di samping meminimumkan kemusnahan alam sekitar.

Tumpuan lebih besar akan diberikan kepada peningkatan perlindungan dan kesejahteraan masyarakat serta pengurusan sumber semula jadi yang teratur dan pemeliharaan alam sekitar yang berterusan untuk memastikan kelangsungan sumber asas. Ini dapat direalisasi melalui pendekatan seluruh negara dalam memastikan negara terus membangun dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan tanpa mengabaikan sesiapa. Rangka kerja dan ekosistem yang berkaitan akan diperkukuh manakala penglibatan dan promosi berterusan dalam kalangan pihak berkepentingan akan terus ditambah baik bagi meningkatkan kesediaan negara dalam mencapai pertumbuhan hijau dan pembangunan mampan.

Bajet 2023 juga akan memberi fokus kepada strategi, program dan aktiviti dalam pengurusan risiko bencana pada masa hadapan. Ini bertujuan meningkatkan kesedaran; memperkukuh langkah tindak balas awal; meningkatkan penyelarasan dan libat urus dengan semua pihak berkepentingan; serta memperkukuh penguatkuasaan terhadap perlindungan alam sekitar. Di samping itu, langkah akan diambil untuk membangunkan sistem amaran awal dan tindak balas bersepadu serta pelaksanaan projek tebatan banjir di kawasan berisiko tinggi.

Demi memastikan jentera kerajaan yang cekap, keutamaan akan diberikan kepada usaha mentransformasikan penyampaian perkhidmatan awam melalui penggunaan dan pemantapan teknologi digital. Di samping itu, inisiatif untuk meningkatkan kerjasama, penyelarasan dan perkongsian data di pelbagai peringkat kerajaan akan dilaksanakan melalui penyelarasan peraturan pentadbiran, prosedur dan sistem. Selain itu, penekanan akan diberikan kepada pelaksanaan program dan projek yang cekap dan berkesan dengan nilai terbaik untuk wang tanpa menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Kerajaan akan menggunakan pendekatan seluruh negara dalam menjalin kerjasama yang lebih erat dengan perniagaan dan masyarakat untuk menjadi lebih berdaya saing di samping memastikan kemampuan pertumbuhan ekonomi.

Kesimpulan

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 6.9% pada separuh pertama 2022. Berdasarkan momentum pertumbuhan ekonomi domestik yang memberangsangkan, pengembangan sektor luaran yang mantap dan peningkatan berterusan dalam pasaran buruh, ekonomi dijangka berkembang antara 6.5% – 7% pada 2022. Ekonomi dijangka berkembang sederhana pada 2023 disebabkan oleh sokongan dasar yang berterusan untuk mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup; risiko ketidaktentuan geopolitik yang berpanjangan; dan situasi kewangan global yang ketat. Namun, berdasarkan asas yang kukuh dan struktur ekonomi yang pelbagai, pertumbuhan ekonomi masih berkembang antara 4% – 5%. Bajet 2023 akan mengorak langkah untuk memperkukuh momentum pemulihan, membina daya tahan ekonomi dan memacu pembaharuan yang komprehensif. Semua inisiatif Bajet 2023 dijangka dengan RMKe-12 bagi menyokong Malaysia menjadi negara yang progresif, inklusif dan makmur.

Rujukan

- Adams, R. (2017). Standard of living as a right, not a privilege: Is it time to change the dialogue from minimum wage to living wage? *Business and Society Review*, 122, 613-639. <https://doi.org/10.1111/basr.12133>
- Baharin, I., & Abdullah, A. (2011). Sustainable business in Malaysia: The need for talent ecosystem. *International Journal of Basic & Applied Sciences*, 11(4), 44-47.
- Bank Dunia (2022). *World development indicators*. <https://databank.worldbank.org/source/world-development-indicators>
- Bank Dunia. (2021, Mac 15). *Aiming high: Navigating the next stage of Malaysia's development*. <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/aiminghighmalaysia>
- Bank Dunia & Bank Pembangunan Asia. (2021). *Climate risk country profile: Malaysia*. Kumpulan Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/723571/climate-risk-country-profile-malaysia.pdf>
- Bank Negara Malaysia. (2018a). *Gaji kehidupan wajar: Bukan sekadar menampung keperluan asas*.
- Bank Negara Malaysia. (2018b). *Kesan herotan pekerja asing berkemahiran rendah terhadap ekonomi*.
- Benoist, C., Arthurton, L., Barbarino, P., Dabas, L., Lynch, C., Paatalo, T., Weidner, W. & Alzheimer's Disease International (2022). *From plan to impact V. WHO global action plan: The time to act is now*. Alzheimer's Disease International. <https://www.alzint.org/u/From-Plan-to-Impact-V.pdf>
- Bon, R. (1988). Direct and indirect resource utilisation by the construction sector: The case of the USA since World War II. *Habitat International*, 12(1), 49-74.
- Bureau of Contract Administration Los Angeles. (2019). *Living wage ordinance (LWO)*.
- Card, D.E., & Krueger, A.B. (1994). Minimum wages and employment: A case study of the fast-food industry in New Jersey and Pennsylvania. *The American Economic Review*, 84, 772-93.
- Congressional Budget Office. (2014, Februari 18). *The effects of a minimum wage increase on employment and family income*. <https://www.cbo.gov/publication/44995>
- DiNardo, J., Fortin, N., & Lemieux, T. (1996). Labor market institutions and the distribution of wages, 1973-1992: A semi-parametric approach. *Econometrica*, 64(5), 1001-1044. <https://doi.org/10.2307/2171954>
- Dube, A., Lester, T. W., & Reich, M. (2016). Minimum wage shocks, employment flows, and labor market frictions. *Journal of Labor Economics*, 34(3), 663-704. <https://doi.org/10.1086/685449>
- Elgin, C., Kose, M. A., Ohnsorge, F. & Yu, S. (2021). DP16497 Understanding informality. *CEPR Discussion Paper No. 16497*. Centre for Economic Policy Research. <https://cepr.org/publications/dp16497>
- Georgiadis, A. (2013). Efficiency wages and the economic effects of the minimum wage: Evidence from a low-wage labour market. *Oxford Bulletin of Economics and Statistics*, 75(6), 962-979. <https://doi.org/10.1111/j.1468-0084.2012.00713.x>

- Groningen Growth and Development Centre. (2022a). *Penn World Table 10.0: Real GDP at constant 2017 national prices (in mil. 2017US\$), 2019*.
- Groningen Growth and Development Centre. (2022b). *Penn World Table 10.0: Share of labour compensation in GDP at current national prices, 2019*.
- Hallward-Driemeier, M., Rijkers, B., & Waxman, A. (2015). Can minimum wages close the gender gap? Evidence from Indonesia. *Policy Research Working Paper No. 7364*. Bank Dunia. <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/22449>
- Heery, E., Hann, D., & Nash, D. (2017). The living wage campaign in the UK. *Employee Relations*, 39(6), 800-814. <https://doi.org/10.1108/ER-04-2017-0083>
- Hohberg, M., & Lay, J. (2015). The impact of minimum wages on informal and formal labor market outcomes: Evidence from Indonesia. *IZA Journal of Labor & Development*, 4(14), 1-25. <https://doi.org/10.1186/s40175-015-0036-4DOI> 10.1186/s40175-015-0036-4
- Ingham, B., Chirijevskis, A., & Carmichael, F. (2009). Implications of an increasing old-age dependency ratio: The UK and Latvian experiences compared. *Pensions: An International Journal*, 14(4), 221-230. <https://doi.org/10.1057/pm.2009.16>
- Institut Kesihatan Negara. (2019). NCDS - Non-communicable diseases: Risk factors and other health problems. *National Health and Mobility Survey 2019 Technical Report Volume 1*. Kementerian Kesihatan Malaysia. https://bit.ly/MOH_National_Health_And_Mobidity_Survey_2019
- Institut Kesihatan Umum. (2017). *Malaysian burden of disease and injury study 2009 - 2014*. Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia. <https://iku.moh.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/BOD/BOD2009-2014.pdf>
- Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia. (2022, Mac 8). *Webinar on "Revisiting public sector reform in Malaysia"*. <https://www.mier.org.my/post/webinar-on-revisiting-public-sector-reform-in-malaysia>
- International Business Review. (2022). *International business review of national leaders, business & innovations*, 139. The IBR Asia Group. <https://fliphtml5.com/vhro/xlre>
- International Institute for Management Development. (2022). *IMD world competitiveness booklet 2022*. <https://imd.cld.bz/IMD-World-Competitiveness-Booklet-2022>
- International Institute for Management Development. (2021). *IMD world talent ranking (WTR)*. <https://fcsc.gov.ae/en-us/Pages/Competitiveness/Reports/World-Talent-Report-by-IMD.aspx?rid=7>
- International Labour Organization. (2022a). *Global wage report 2020-21: Wages and minimum wages in the time of COVID-19*. https://bit.ly/ILO_Global_Wage_Report_2020_21
- International Labour Organization. (2022b, January 17). *Statistics on labour productivity*. <https://ilostat.ilo.org/topics/labour-productivity/>
- Izham, M. I. M. (2021, October 27). *The national policy on good regulatory practice (NPGRP) strengthens public sector governance and the regulatory reform initiative* (Issue October). *Zico Law*. https://www.zicolaw.com/wp-content/uploads/2021/11/ZICO-Law_1010_-NPGRP_Oct-2021.pdf
- Izham, M. I. M. (2020, May 20). *The role of regulatory impact analysis (RIA) in Policy-Making* (Issue May). *Zico Law*. https://www.zicolaw.com/wp-content/uploads/2020/05/ZICO_1010_The-Role-of-Regulatory-Impact-Analysis-in-Policy-Making-May-2020.pdf

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022a). *Keluaran dalam negeri kasar kaedah pendapatan 2021*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022b). *Penemuan utama banci penduduk dan perumahan Malaysia 2020*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022c). *Statistik siri masa survei tenaga buruh (PTB) mengikut negeri, 1982-2021*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022d). *Akaun negara: Keluaran dalam negeri kasar, 2015-2021*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022e). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 2020*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2020*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020a). *Laporan survei perbelanjaan isi rumah, 2019*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020b). *Laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2019*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020c). *Perangkaan ekonomi Malaysia - siri masa 2019*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). *Jadual input-output Malaysia, 2015*.
- Jung, Y. C., McFarlane, A. & Das, A. (2020). The effect of minimum wages on consumption in Canada. *The Economic and Labour Relations Review*, 32, 65-89. <https://doi.org/10.1177/1035304620949950>
- Kaufmann, D., & Kraay, A. (2021). *Worldwide governance indicators*. <https://info.worldbank.org/governance/wgi/>
- Kementerian Kewangan. (2020). *Tinjauan ekonomi 2021*.
- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. (2012). *Dasar sumber air negara (DSAN)*. https://www.kasa.gov.my/resources/air/2012_dasar_sumber_air_negara.pdf
- Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. (2017). *Strategi REDD Plus Kebangsaan*. <https://redd.ketsa.gov.my/publication/national-redd-plus-strategy-2017/>
- Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. (2018). *Malaysia: Third national communication and second biennial update report to the UNFCCC*. https://bit.ly/MESTECC_Report_To_The_UNFCCC_2018
- Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. (2016). *Pelan tindakan kecekapan tenaga negara (NEEAP)*. <https://policy.asiapacificenergy.org/node/1269>
- Lee, J-W. & Wie, D. (2015). Technological change, skill demand and wage inequality: Evidence from Indonesia. *World Development*, 67, 238-250.
- Lemos, S. (2010). *Minimum wage in Brazil: The effect of the minimum wage on wages, employment and prices in Brazil*.
- Lemos, S. (2004). *The effects of the minimum wage*. IZA Discussion Paper No. 1135. Institute of Labor Economics, Bonn.
- Living Wage Foundation. (2022). *What is the real living wage?* <https://www.livingwage.org.uk/what-real-living-wage>
- Luebker, M. (2011). Labour productivity. In T. Sparreboom & A. Albee (Eds.) *Towards decent work in Sub-Saharan Africa: Monitoring MDG employment indicators*, 9-32. International Labour Organization.

- Lupu, D., Cărăușu, D-N. & Ifrim, M. (2022). Wage share and economic growth: Evidence from Eastern Europe. *Applied Economics Letters*. <https://doi.org/10.1080/13504851.2021.2018398>
- Maneejuk, P. & Yamaka, W. (2020). An analysis of the impacts of telecommunications technology and innovation on economic growth. *Telecommunications Policy*, 44, 102038. <https://doi.org/10.1016/j.telpol.2020.102038>
- Mottain, M. (2021, Mei 22). Malaysia on track to achieve high-income nation status. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/05/22/malaysia-on-track-to-achieve-high-income-nation-status>
- Naharul, M. A. (2022, Februari 22). Mustapa tells Pemudah to intensify regulatory reform. *The Malaysian Reserve*. <https://themalaysianreserve.com/2022/02/08/mustapa-tells-pemudah-to-intensify-regulatory-reform/>
- Newey, W. K. & West, K. D. (1987). A simple, positive semi-definite, heteroskedasticity and autocorrelation consistent covariance matrix. *Econometrica*, 55, 703-708.
- Ontario Living Wage Network. (2021). *Living wage by region*. https://www.ontariolivingwage.ca/living_wage_by_region
- Organisation for Economic Co-operation and Development (2022). *Income inequality (indicator)*.
- Organisation for Economic Co-Operation and Development. (2009). *Improving the quality of regulations-November issue*. [https://www.oecd.org/gov/regulatory-policy/Policy Brief - Improving the Quality of Regulations.pdf](https://www.oecd.org/gov/regulatory-policy/Policy%20Brief%20-%20Improving%20the%20Quality%20of%20Regulations.pdf)
- Perbadanan Produktiviti Malaysia. (2021, Julai 1). *Dasar negara bagi amalan baik peraturan (NPGRP): Peraturan berkualiti meningkatkan produktiviti*. https://www.mpc.gov.my/npgrp/newfiles/policy_BM.pdf
- Perbadanan Produktiviti Malaysia. (2020, Jun 12). *PENJANA harnessing digitalisation will boost productivity*. https://www.mpc.gov.my/static_files/media_manager/1/june_12_2020.pdf
- Perbadanan Produktiviti Malaysia. (2019). *Productivity report*. <https://www.mpc.gov.my/productivity-performance>
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2022). *The sustainable development goals report 2022*. <https://unstats.un.org/sdgs/report/2022/>
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2021, Jun 13). Climate and environment. *UN News*. https://bit.ly/UN_Climate_Environment
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2020). *World population ageing 2019*. <https://www.un.org/en/development/desa/population/publications/pdf/ageing/WorldPopulationAgeing2019-Report.pdf>
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia. (2019, Disember 11). *Development of a proposal for a decade of healthy ageing 2020–2030*. https://apps.who.int/gb/ebwha/pdf_files/EB146/B146_23-en.pdf
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia. (2019). *Decade of healthy ageing 2020-2030*. https://cdn.who.int/media/docs/default-source/decade-of-healthy-ageing/final-decade-proposal/decade-proposal-final-apr2020-en.pdf?sfvrsn=b4b75ebc_25&download=true
- Retail Council of Canada. (2022). *Minimum wage by province*. <https://www.retailcouncil.org/resources/quick-facts/minimum-wage-by-province>
- Riley, R. & Bondibene, C. R. (2017). Raising the standard: Minimum wages and firm productivity. *Labour Economics*, 27-50.
- Schneider, F. (2011). *The shadow economy and shadow economy labor force: What do we (not) know?* Discussion Paper, 5769. Institute for the Study of Labor, Bonn.

- Schulten, T. & Müller, T. (2019). What's in a name? From minimum wages to living wages in Europe. *Transfer*, 25, 267-284.
- Sotomayor, O. J. (2021). Can the minimum wage reduce poverty and inequality in the developing world? Evidence from Brazil. *World Development*, 138, 182-195.
- The Intergovernmental Panel on Climate Change (2022a). *Sixth assessment report (AR6). Contributions of WG III*. <https://www.ipcc.ch/assessment-report/ar6/>
- The Intergovernmental Panel on Climate Change (2022b). *Sixth assessment report (AR6). Contributions of WG II*. <https://www.ipcc.ch/assessment-report/ar6/>
- The Intergovernmental Panel on Climate Change (2021). *Sixth assessment report (AR6). Contributions of WG I*. <https://www.ipcc.ch/assessment-report/ar6/>
- The Living Wage. (2022). *Living wage Aotearoa New Zealand*. <https://www.livingwage.org.nz>
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2021). *Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025: Malaysia makmur, inklusif dan mampan*. <https://rmke12.epu.gov.my/bm>
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2017). *Malaysia productivity blueprint: Driving productivity of the nation*. https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-02/MPB_Full_0.pdf
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2015). *Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020: Pertumbuhan berpaksikan rakyat*. <https://www.epu.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/rancangan-pembangunan/rmk/perancangan-terdahulu>
- U.S. Department of Labor. (2022). *Consolidated minimum wage table*. <https://www.dol.gov/agencies/whd/mw-consolidated>
- Zakariya, Z. (2014). Wage effect of over-education and mismatch in Malaysia: A random effect approach. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48, 3-17.
- Žokalj, M. (2016, Disember 13). The impact of population aging on public finance in European Union. *Financial Theory and Practice*, 30. <https://doi.org/10.3326/fintp.40.4.2>

BAB 2

Tinjauan Makroekonomi

61 PERSPEKTIF KESELURUHAN

62 EKONOMI 2022

EKONOMI GLOBAL

Rencana 2.1 – Kesan Limpahan Konflik Rusia-Ukraine ke atas Malaysia

EKONOMI DOMESTIK

Rencana 2.2 – Penguatan Sektor Pembinaan ke arah Pertumbuhan Ekonomi Mampan

Rencana 2.3 – Prestasi Perdagangan Malaysia: Pra, Semasa dan Pascapandemik (2017 – Jun 2022)

Rencana 2.4 – Inflasi Makanan di Malaysia

105 TINJAUAN 2023

TINJAUAN GLOBAL

TINJAUAN DOMESTIK

112 KESIMPULAN

114 RUJUKAN

BAB 2

Tinjauan Makroekonomi

Perspektif Keseluruhan

Momentum pertumbuhan berterusan dalam persekitaran global yang mencabar

Pertumbuhan global diunjur menyederhana pada 2022 selepas pengembangan ekonomi yang kukuh dalam ekonomi maju serta negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE) pada 2021. Di samping itu, tekanan inflasi yang semakin meningkat akibat harga komoditi yang tinggi dijangka akan mendesak kebanyakan bank pusat untuk mengetatkan dasar monetari. Sementara itu, aktiviti ekonomi China yang perlahan, gangguan rantai bekalan dan ketegangan geopolitik yang berlarutan dijangka melemahkan pertumbuhan global pada 2023.

Pemulihan ekonomi Malaysia meneruskan momentum kukuh pada separuh pertama 2022 dalam persekitaran global yang mencabar. Pertumbuhan KDNK meningkat sebanyak 6.9% dalam tempoh tersebut disokong oleh pelaksanaan langkah Bajet 2022, peralihan kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Ekonomi dijangka berkembang pada 6.1% pada separuh kedua 2022 sejajar dengan permintaan domestik yang kukuh daripada sektor swasta, aktiviti pelancongan yang melonjak dan prestasi perdagangan yang memberangsangkan. Di samping itu, prestasi kukuh sektor perkhidmatan dan pembuatan serta penambahbaikan pasaran buruh dijangka menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan ekonomi. Secara keseluruhan,

ekonomi negara dijangka berkembang antara 6.5% – 7% pada 2022.

Selari dengan prospek ekonomi global yang perlahan, ekonomi Malaysia dijangka menyederhana pada 2023. Permintaan domestik dijangka disokong oleh asas ekonomi yang kukuh, peningkatan dalam prospek pekerjaan, keyakinan pengguna dan perniagaan serta sokongan dasar berterusan untuk isi rumah yang mudah terjejas. Permintaan luar yang stabil terutamanya bagi produk elektrik & elektronik (E&E) dan komoditi utama dijangka terus memacu eksport seterusnya mengekalkan lebih akaun semasa imbalan pembayaran (BOP).

Dari sudut penawaran, semua sektor diunjur berkembang dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi. Sektor perkhidmatan dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan dalam permintaan domestik dan aktiviti pelancongan. Sementara itu, sektor pembuatan dijangka dipacu oleh permintaan global untuk produk E&E dan produk berasaskan getah di samping pengembangan dalam industri domestik seperti makanan dan produk berkaitan pembinaan. Sektor pembinaan diunjur bertambah baik dengan pelaksanaan lebih cepat projek infrastruktur sedia ada dan peningkatan pelaburan swasta yang mendorong permintaan lebih banyak bangunan komersial dan kediaman. Sehubungan itu, KDNK negara diunjur berkembang antara 4% – 5% pada 2023.

Ekonomi 2022

Ekonomi Global

Cabaran global memperlakan pertumbuhan


Pertumbuhan global dijangka berkembang 3.2% pada 2022 sebahagian besar disokong oleh pertumbuhan KDNK Asia Pasifik walaupun terdapat peningkatan harga tenaga, gangguan rantaian bekalan dan keadaan kewangan yang mencabar. Pertumbuhan KDNK dalam negara maju dijangka menyederhana 2.5% pada 2022. Ekonomi AS dijangka mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 2.3% pada 2022 disebabkan oleh pengurangan momentum yang signifikan dalam penggunaan swasta berikutan kuasa beli isi rumah yang lemah dan dasar monetari yang lebih ketat. Pada masa yang sama, pertumbuhan KDNK di kawasan euro diunjur berkembang lebih perlahan 2.6% pada 2022 terutamanya disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang perlahan berikutan pemotongan bekalan tenaga oleh Rusia.

Pada 2022, pertumbuhan ekonomi EMDE diunjur menyederhana kepada 3.6% berikutan permintaan domestik dan eksport yang kurang memberangsangkan. Ekonomi China dijangka berkembang lebih perlahan sebanyak 3.3% disebabkan oleh permintaan pengguna dan pelaburan yang lembap. Sementara itu, ekonomi India diunjur berkembang sebanyak 7.4% disokong oleh pelaburan awam dan swasta serta insentif dan pembaharuan yang diperkenalkan bagi menambah baik persekitaran perniagaan. Pertumbuhan KDNK ASEAN-5¹ diunjur berkembang sebanyak 5.3% terutamanya disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh dan pelaburan lebih tinggi.

Perdagangan dunia dijangka berkembang sederhana kepada 4.1% pada 2022 berikutan konflik geopolitik berpanjangan di Eropah Timur dan langkah penutupan sektor ekonomi di China bagi mengekang pandemik COVID-19. Pada 2022, ekonomi maju dijangka merekodkan pertumbuhan eksport sebanyak 5% dan import 6.1% iaitu lebih rendah berbanding pertumbuhan tahun sebelumnya. Perdagangan dalam EMDE dijangka menyederhana dengan kadar pertumbuhan eksport dan import yang lebih rendah iaitu 4.1% dan 3.9%.

Inflasi global diunjur mencatat 8.3% pada 2022 sejajar dengan harga makanan dan tenaga yang lebih tinggi. Kadar inflasi dijangka merekodkan 6.6% dalam ekonomi maju dan 9.5% dalam EMDE.

RAJAH 2.1. *Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar, Perdagangan dan Inflasi Global 2021 – 2023*
(% perubahan)



¹ Anggaran
² Unjuran

Nota: Perdagangan bagi Negara Maju serta Negara yang Berkembang Pesat dan Negara Membangun merujuk kepada purata volum eksport dan import bagi barangan dan perkhidmatan
Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, *World Economic Outlook* (Julai 2022)

¹ ASEAN-5 terdiri daripada Filipina, Indonesia, Malaysia, Thailand dan Viet Nam.

RENCANA 2.1

Kesan Limpahan Konflik Rusia-Ukraine ke atas Malaysia

Pengenalan


Kejutannya Luaran Membantutkan Usaha Pertumbuhan Ekonomi

Ketegangan antara Rusia dan Ukraine mencapai kemuncak apabila Rusia menceroobh Ukraine pada 24 Februari 2022. Di sebalik peningkatan aktiviti ekonomi berikutan pembukaan semula ekonomi global dan pemulihan pasaran buruh selepas pandemik COVID-19, konflik Rusia-Ukraine telah menyebabkan kejutan ekonomi di seluruh dunia. Kenaikan harga bahan mentah, caj pengangkutan, kos buruh, barangan makanan, bahan api dan pengangkutan telah meningkatkan kos perniagaan. Berdasarkan situasi ini, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan menyederhana sebanyak 3.2% pada 2022 dan 2.9% pada 2023.

Dalam pasaran global, Rusia merupakan pengeksport gandum terbesar, menyumbang kepada 18% daripada eksport global manakala Ukraine menyumbang 7%. Rusia juga merupakan pengeksport terbesar gas asli (25%), paladium (23%), nikel (22%), dan baja (14%). Rusia turut menyumbang kepada eksport arang batu global (18%), platinum (14%), minyak mentah (11%), dan aluminium ditapis (10%) seperti dalam Rajah 2.1.1.


Ukraine merupakan pengeksport terbesar minyak biji iaitu dua per lima daripada pengeluaran global yang digunakan terutamanya dalam masakan. Ukraine juga merupakan pengeksport jagung keempat terbesar, menyumbang kepada 13% daripada eksport global. Ukraine turut menghasilkan sehingga 50% gas neon global, yang merupakan elemen kritikal dalam pembuatan cip elektronik. Konflik Rusia-Ukraine telah memburukkan lagi gangguan rantaian bekalan global sedia ada dan menyebabkan kenaikan harga komoditi. Pecahan eksport dan perubahan harga komoditi Rusia dan Ukraine adalah seperti dalam Rajah 2.1.1 dan 2.1.2.

RAJAH 2.1.1. Pecahan Eksport Komoditi Rusia dan Ukraine, 2022



Nota: Data untuk tenaga dan makanan ialah volum dagangan, manakala logam dan mineral ialah nilai dagangan. Baja adalah batu fosfat dan mineral potash dan bukan mineral berasaskan ammonia. Minyak boleh dimakan ialah minyak sawit, kacang soya dan minyak biji sesawi
 Sumber: BP Statistical Review, UN Comtrade, U.S. Department of Agriculture, Bank Dunia

RAJAH 2.1.2. Perubahan Harga Komoditi Rusia dan Ukraine Sebagai Pengeksport Utama, 2022



Nota: Perubahan harga komoditi untuk tempoh tiga bulan sehingga akhir Mac 2022. Gas asli cecair (LNG), Diamonium fosfat (DAP), Soft red winter wheat (SRW) dan Hard red winter wheat (HRW)
 Sumber: Bank Dunia

Impak konflik boleh dirasai bukan sahaja di Eropah tetapi juga di seluruh dunia kerana Rusia dan Ukraine merupakan pembekal utama makanan dan tenaga global. Menurut IMF, inflasi global diunjurkan 8.3% pada 2022 dan 5.7% pada 2023. Konflik tersebut dijangka akan mengekalkan kos tenaga pada kadar yang tinggi manakala gangguan berterusan ke atas rantaian bekalan global menghalang pertumbuhan.

Kesan Konflik Rusia-Ukraine ke atas Malaysia

Kesan langsung konflik Rusia-Ukraine ke atas Malaysia adalah terhad memandangkan hubungan perdagangan dan kewangan yang kurang signifikan antara Malaysia dan kedua-dua negara. Bagi separuh pertama 2022, perdagangan antara Malaysia dan Rusia berjumlah RM8.8 bilion (0.4%) dan Ukraine sebanyak RM1.5 bilion (0.1%). Walau bagaimanapun, konflik yang berpanjangan telah mengakibatkan kesan limpahan ke atas Malaysia, khususnya kenaikan harga makanan dan bahan api.

Kenaikan Harga Ayam


Kenaikan harga ayam di Malaysia adalah disebabkan oleh peningkatan harga makanan ayam. Keadaan ini berpunca daripada kenaikan harga bahan utama yang digunakan untuk menghasilkan makanan ayam iaitu jagung, kacang soya dan minyak sawit sejak peperangan tercetus antara Rusia dan Ukraine. Kedua-dua negara ini adalah antara pengeluar dan pengeksport utama jagung dan gandum, yang merupakan bahan penting dalam penghasilan makanan haiwan, termasuk makanan ayam.

Kenaikan harga purata ayam memberi kesan kepada kadar inflasi keseluruhan isi rumah di mana harga ayam proses standard ialah RM8.55 sekilogram pada Jun 2021 berbanding RM10.02 sekilogram pada Jun 2022. Manakala, harga sebiji telur ayam untuk semua gred turun naik antara RM0.40 hingga RM0.45 seperti dalam Rajah 2.1.3.

